

Tatakelakuan Kita

Lakukan perkara yang betul. Itu identiti kita.





KANDUNGAN

Lakukan Perkara Yang Betul. Itu Identiti Kita.

Prinsip Kita

Kod Kita

Tanggungjawab Kita

Suara Kita

Melakukan Perkara Yang Betul Untuk Satu Sama Lain

Kita Satu Pasukan

Memupuk Kesamaan, Kepelbagaian, Penyertaan dan Kepunyaan

Hormati Orang Lain di Tempat Kerja

Jangan Sesekali Membalas Dendam

Mengelakkan Potensi Konflik Kepentingan

Kita Lindungi Tempat Kerja Kita

Menyumbang kepada Persekitaran Kerja yang Selamat dan Sihat

Melindungi Aset Syarikat

Lakukan Perkara Yang Betul untuk Syarikat Kita

Bertindak Dengan Penuh Integriti

Melibatkan Diri Hanya dalam Amalan Perniagaan yang Beretika dan Adil

Menggalakkan Aktiviti Penjualan dan Pemasaran yang Beretika

Jangan Beri atau Terima Pembayaran yang Tidak Betul

Patuhi Peraturan dalam Interaksi Dengan Pegawai Kerajaan Berinteraksi Dengan Pegawai Kerajaan

Jangan Menyalahgunakan Bahan Maklumat Bukan Awam

Kita Bertanggungjawab

Memastikan Kualiti dan Keselamatan Produk

Melindungi Maklumat Sulit dan Harta Intelek

Patuhi Peraturan untuk Pemberian/Penerimaan Hadiah dan Layanan Baik

Menyimpan Simpan Kira dan Rekod yang Tepat

Kita Boleh Dipercayai dan Telus

Melindungi Privasi

Elakkan Konflik Kepentingan Dengan Para Pendedar dan Pembekal

Bekerja dengan Bertanggungjawab Bersama Pihak Ketiga

Lakukan Perkara Yang Betul untuk Dunia Kita

Kita Bekerja dengan Betul di Pasaran Global

Patuhi Undang-Undang di Seluruh Dunia

Hormati Hak Asasi Manusia

Bantu untuk Lindungi Alam Sekitar

Terus menjadi Warga Korporat yang Baik

Patuhi Peraturan untuk Melibatkan Diri dalam Aktiviti Amal

Kita Berkomunikasi Dengan Penuh Tanggungjawab

Jangan Promosikan Kepentingan Politik di Tempat Kerja

Berhati-hati Ketika Bercakap Bagi Pihak Herbalife Nutrition

Gunakan Media Sosial dengan Bertanggungjawab

Sebelum Anda Pergi

Tempat untuk Mendapatkan Bantuan



Lakukan Perkara Yang Betul. Itu Identiti Kita.

Pekerja Herbalife Nutrition Yang Dihormati:

Nilai pertama dan yang terpenting, di Herbalife Nutrition adalah “Kita Sentiasa Melakukan Perkara Yang Betul.” Bukan setakat perkara yang kita lakukan, tetapi itu adalah identiti kita.

Sebagai Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, saya berjanji untuk memimpin Syarikat dengan penuh penghormatan dan tahap integriti tertinggi dan berusaha untuk menegakkan tahap etika dan integriti para pekerja dan pengedar kita. Mempertahankan reputasi ini adalah salah satu pekerjaan terpenting kita.

Tatakelakuan kita bukan sekadar peraturan, tetapi itulah perkara yang kita percaya dan amalkan. Ini membantu kita semua untuk menjalankan perniagaan dengan cara yang konsisten dengan Nilai kita dan sesuai dengan undang-undang yang berkaitan. Ini juga memerlukan agar kita sentiasa responsif terhadap keprihatinan masyarakat di lokasi kita beroperasi dan mengamalkan kejujuran dan integriti tertinggi ketika kita berurusan dengan orang lain.

Kod kita bertujuan untuk membantu setiap daripada kita memahami tanggungjawab kita dan membuat pilihan yang tepat. Ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang isu etika yang mungkin kita hadapi dalam aktiviti perniagaan seharian. Melakukan perkara yang betul bermula dengan asas kejujuran dan integriti. Selain itu, ia juga bergantung pada pertimbangan dan kepekaan kita terhadap cara orang lain melihat kita dan cara mereka mentafsirkan tindakan kita.

Setiap daripada kita bertanggungjawab terhadap reputasi Herbalife Nutrition dan reputasi itu dibina atas dasar kepercayaan. Sentiasa melakukan perkara yang betul dan menjaga kejujuran dan integriti dalam semua keputusan perniagaan bermaksud para pengedar dan pelanggan mereka boleh dipercayai kita, rakan niaga boleh dipercayai kita, orang ramai boleh dipercayai kita dan kita semua boleh saling dipercayai. Justeru itu yang menjadikan syarikat kita begitu istimewa dan kita semua boleh bangga bekerja di sini.



Michael O. Johnson
Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif





Prinsip Kita

Di Herbalife Nutrition, Prinsip kita membentuk budaya kita. Prinsip itu menyatukan kita dan memberi inspirasi kepada kita untuk menjadi yang terbaik setiap hari.

Sebab Musabab Kita

Menjadikan Dunia Tempat yang Lebih Baik

Tujuan dan nilai unik Syarikat, Pengedar dan Pekerja Kita, adalah untuk membantu orang ramai menjadi lebih sihat dan bahagia melalui nutrisi diperibadikan dan peluang perniagaan yang terbukti ke seluruh dunia, supaya hari esok akan menjadi lebih baik.

Cara Kita

Melalui Pengedar Didorong oleh Tujuan Adalah Perbezaan Kita

Selain daripada produk yang menepati janji, pelanggan kita mendapat Pengetahuan, Galakan, Hormat, Bimbingan Sokongan, Penjagaan, Komuniti dan Peluang yang luar biasa. Inilah yang benar-benar diedarkan oleh Pengedar Kita. Kita didorong oleh keperluan mereka dan diberi kekuatan oleh semangat mereka.

Misi Kita

Memberikan Hasil yang Memberikan Inspirasi untuk Kehidupan yang Lebih Baik

Produk efektif yang sangat enak, Pengedar yang memberikan panduan sepanjang perjalanan, sokongan seluruh syarikat yang penuh dengan Pekerja yang bersemangat dan komuniti yang menggalakkan, kita dapat memberikan semua orang di seluruh dunia jalan mudah untuk menjadi sihat dan bahagia.

Nilai Kita

Kita Sentiasa Melakukan Perkara yang Betul

Apabila kita melihat dalam cermin, kita melihat integriti, kejujuran, kerendahan hati dan kepercayaan. Kita mempercayai etika bukan suatu pilihan. Kita saling menghargai dan menghormati, Pengedar kita, pelanggan kita, dan yang paling penting, diri kita sendiri.

Kita Bekerjasama

Kita belajar, kita mengajar. Kita mengikuti, kita memimpin. Kita menolong pada saat itu dan menerima pertolongan pada waktu berikutnya. Kita tidak pernah berhenti berkolaborasi, ini menjadikan kita tidak dapat dihentikan. Kita berseronok. Kita menjadikan perkara mudah. Kita meraikan individu dan pasukan dalam setiap daripada kita.

Kita Menjadikannya Lebih Baik

Kita sentiasa meneroka. Kerana peluang sentiasa ada. Untuk belajar. Untuk berkembang. Untuk berinovasi. Untuk cemerlang dan lebih lagi. Untuk menjadi ejen perubahan dalam masyarakat kita. Untuk mengubah semangat keusahawanan menjadi inspirasi harian semasa kita menjadikan kehidupan pelanggan dan kita sendiri lebih sihat dan bahagia.



Kod Kita

Satu perkara yang boleh anda katakan mengenai Syarikat kita: kita tahu tentang pemakanan, faedahnya, sains di sebaliknya dan cara mengaplikasikannya untuk membantu orang ramai mencapai tujuan mereka. Kita yakin membina dunia yang lebih baik bermula dengan kita dan cara kita berniaga. Tatakelakuan kita membimbing kita dalam pekerjaan seharian. Ini membentuk rangka kerja etika yang menyatukan kita. Tidak kira pekerjaan atau tempat kita bekerja. Rangka kerja etika ini memotivasi kita untuk bekerja dengan penuh integriti dan kebanggaan bersama.

Apa yang dilakukan oleh Kod?

Kod ini membantu kita semua melakukan kerja dengan beretika dan menegakkan undang-undang. Anggap ia sebagai panduan cara untuk pekerjaan anda dan Syarikat kita. Ini memberitahu anda tentang perkara yang diharapkan daripada anda dan membantu anda mematuhi undang-undang dan peraturan yang diguna pakai untuk pekerjaan anda dan mengamalkan Prinsip kita. Kod ini mencadangkan satu set standard minimum. Jika undang-undang tempatan menetapkan standard yang lebih tinggi daripada yang ditetapkan dalam Kod ini, undang-undang tempatan akan diutamakan. Unit perniagaan Herbalife Nutrition juga boleh menetapkan standard yang lebih ketat, selagi standard ini tidak bertentangan dengan Tatakelakuan kita.

Kod tidak dapat menjawab setiap soalan yang anda ada mengenai undang-undang atau etika. Namun, ia adalah tempat yang baik untuk mencari jawapan. Ia dapat membantu anda melalui banyak situasi yang mencabar. Apabila jawapannya tidak jelas, Kod ini juga dapat membantu membawa anda kepada sumber, dasar dan orang yang dapat membantu.



Kenapa Kod penting untuk saya?

- Ringkasan topik etika yang perlu anda ketahui
- Tip bagi melakukan perkara yang betul
- Alat untuk membuat keputusan
- Contoh situasi yang boleh berlaku
- Pautan ke dasar untuk maklumat lanjut
- Sumber yang boleh anda hubungi untuk mendapatkan bantuan



Kod Kita

Kod ini untuk siapa?

Semua pekerja Herbalife Nutrition diminta untuk mematuhi Tata dan dasar ini dan bertindak selaras dengan semua undang-undang yang berkenaan. Tambahan lagi, bukan pekerja yang mempunyai hubungan perniagaan dengan Herbalife Nutrition juga mesti mematuhi prinsip utama kejujuran, integriti dan etika dalam membuat keputusan.

Selanjutnya, ahli Lembaga Pengarah dikehendaki mematuhi Tatakelakuan kita dan bertindak mengikut semua undang-undang yang berkuat kuasa. Lembaga Pengarah mesti meluluskan sebarang penepian Tata kita yang diberikan kepada ahli Lembaga Pengarah atau pegawai eksekutif. Sebarang penepian yang sedemikian hendaklah didedahkan dengan segera seperti yang dikehendaki oleh undang-undang atau peraturan penyenaraian bursa saham yang berkenaan.



Bagaimana jika seseorang melanggar Kod?

Apabila seseorang melakukan sesuatu yang tidak beretika, atau melanggar Prinsip, dasar atau undang-undang Herbalife Nutrition atau bahkan mengabaikan salah laku, perkara itu jelas melanggar Kod kita. Ini akan menggambarkan perkara buruk kepada kita semua sebagai individu dan sebagai Syarikat.

Oleh sebab kita memandang serius Kod kita, kita juga memandang serius sebarang tindakan salah laku. Mana-mana pekerja yang didapati melakukan tingkah laku yang melanggar Kod akan dikenakan tindakan tatatertib, hingga dan termasuk pemberhentian kerja. Sekiranya tindakan salah laku juga melanggar undang-undang, ia boleh mengakibatkan pendakwaan jenayah, denda atau hukuman penjara.



Tanggungjawab Kita

Melalui tindakan seharian kita, kita membentuk masa depan Syarikat. Mulakan dengan memahami perkara yang diharapkan daripada anda.

Setiap pekerja mempunyai tanggungjawab untuk:

Mencerminkan Prinsip kita. Apabila anda melihat dalam cermin, pastikan anda melihat seseorang yang memegang Prinsip kita dan mengamalkan Nilai kita pada setiap hari. Anda akan memberi inspirasi kepada orang lain untuk melakukan perkara yang sama.

Ketahui Kod, undang-undang dan dasar kita. Seperti setiap perniagaan, banyak undang-undang dan peraturan yang diguna pakai untuk kita. Ketahui cara ia diguna pakai untuk anda dan tanya Jabatan Undang-undang jika anda tidak tahu. Baca Kod dan dasar Kita untuk mengetahui cara peraturan itu diguna pakai untuk anda dan tanya Pejabat Etika dan Pematuhan jika ada yang tidak jelas.

Suarakan pendapat anda. Anda mengamalkan Nilai kita apabila anda memperkatakannya. [Suarakan kebimbangan anda](#) mengenai sebarang tingkah laku yang tidak menggambarkan siapa kita atau tindakan yang mungkin melanggar Kod, dasar kita atau undang-undang. Kegagalan untuk melaporkan pelanggaran Kod, dasar atau undang-undang yang diketahui adalah pelanggaran terhadap Kod itu sendiri. Sebagai tambahan, sesiapa sahaja yang mendorong atau membenarkan orang lain untuk melanggar Kod akan dikenakan tindakan tatatertib, hingga dan termasuk penamatan kerja.

Pengurus mempunyai lebih banyak tanggungjawab:

Tetapkan suasana untuk pasukan anda. Jadi contoh kepada pekerja anda iaitu seseorang yang boleh mereka lihat sebagai contoh teladan tentang perkara yang dimaksudkan dengan mengikuti Kod kita dan menerapkan Nilai kita.

Jadi sumber paling baik untuk mereka. Ketahui Kod dan dasar kita dengan baik sehingga anda dapat membimbing pasukan anda dengan lebih baik. Sentiasa pastikan pintu dibuka untuk mendengar kebimbangan mereka dan dapat merujuk mereka kepada sumber yang betul untuk mendapatkan lebih banyak pertolongan.

Dengar dan ambil tindakan. Beri perhatian terhadap kebimbangan pasukan anda dengan serius. Sekiranya anda mengetahui tentang kemungkinan tindakan salah laku, segera hubungi pihak yang berkaitan. Di samping itu, jangan sekali-kali membalas dendam terhadap seseorang yang melaporkan tindakan salah laku dan perhatikan kemungkinan pembalasan terhadap pekerja yang melaporkan tuntutan niat baik dan/atau mengambil bahagian dalam sebarang siasatan atau proses aduan di tempat kerja.

Tanggungjawab Kita

Membuat pilihan yang baik

Bagaimana anda pasti anda selalu melakukan perkara yang betul? Anda tidak **selalunya** pasti, tetapi anda boleh menggunakan pertimbangan paling baik dan bertanya diri sendiri:

Adakah perkara yang saya mahu lakukan itu sah di sisi undang-undang?

Adakah ia menggambarkan Prinsip dan Nilai kita?

Adakah ia mematuhi Kod dan dasar kita?

Adakah ia baik untuk Herbalife Nutrition, pengedar dan pelanggan kita?

Adakah rakan sekerja dan yang lain akan bangga dengan tindakan saya?

Sebarang jawapan “tidak” atau “mungkin” adalah tanda amaran untuk berhenti dan mempertimbangkan semula tindakan anda. Minta pertolongan sebelum anda bertindak.



Suara Kita

Di Herbalife Nutrition, kita yakin setiap pendapat mesti didengar. Sekiranya anda mempunyai sebarang kebimbangan, atau anda mengetahui sesuatu yang mungkin melanggar Prinsip, Kod, dasar kita atau undang-undang, maklumkan dengan segera kepada pihak yang berkaitan.

Menyuarakan pendapat anda

Pelbagai pilihan sedia ada untuk anda:

Pengurus anda

Wakil Sumber Manusia tempatan anda

Herbalife Nutrition IntegrityLine, boleh diakses sama ada:

Dalam talian: Lawati IntegrityLine.Herbalife.com

Melalui telefon::

- Di dalam A.S., hubungi 1-800-461-9330
 - Di luar A.S., lawati IntegrityLine.Herbalife.com untuk arahan panggilan antarabangsa
- NOTA: Talian IntegrityLine dikendalikan oleh pihak ketiga bebas dan disediakan 24 jam sehari, tujuh hari seminggu. Anda boleh berkongsi masalah tanpa nama, jika dibenarkan oleh undang-undang

Teks: 1-213-335-2054 (A.S. sahaja)

E-mel: EthicsandCompliance@Herbalife.com

Mel: Chief Compliance Officer,
Herbalife Nutrition,
800 West Olympic Blvd., Suite 406
Los Angeles, CA 90015
USA

Apakah yang akan berlaku seterusnya?

Tidak kira cara anda menyuarakan kebimbangan anda, laporan anda akan diberi perhatian serius. Kita akan menguruskannya secara rahsia semaksimum yang mungkin, menghantarnya segera ke Pejabat Etika dan Pematuhan untuk disemak dan/atau disiasat. Sekiranya anda memberikan nama anda, kami mungkin akan menghubungi anda untuk mendapatkan maklumat lanjut. Anda boleh memilih untuk kekal tanpa nama, jika dibenarkan oleh undang-undang. Walaupun anda mungkin tidak mendengar butiran khusus mengenai hasil siasatan, anda mungkin akan diberitahu mengenai statusnya. **Perlu diingatkan, kami tidak bertolak ansur dengan tindakan balas terhadap sesiapa yang melaporkan kebimbangan dengan niat baik atau membantu siasatan.**





Suara Kita



Bagaimana jika saya tidak pasti?

Anda tidak perlu memastikan jika ada pelanggaran, tetapi anda perlu menyuarakan kebimbangan anda dengan niat baik. Suarakan dengan ikhlas berdasarkan pemerhatian anda. Ini yang dimaksudkan dengan “niat baik”. Tindakan membuat laporan palsu dengan sengaja melanggar Kod kita dan boleh mengakibatkan tindakan disiplin, termasuk penamatan kerja.



Soalan dan Jawapan

Saya perasan beberapa tingkah laku di tempat kerja yang saya rasa perlu dilaporkan. Ia nampaknya seperti melanggar Kod kita, tetapi saya tidak mempunyai maklumat yang cukup untuk memastikannya. Bagaimana jika laporan saya ternyata bukan masalah besar dan adakah saya menghadapi masalah jika melaporkannya?

Sekiranya anda melaporkan tingkah laku yang anda yakin melanggar Kod, dasar kita atau undang-undang, anda sudah membuat laporan dengan niat baik. Tindakan itu yang paling penting. Kami tidak akan bertolak ansur dengan tindakan balas terhadap anda kerana bersuara walaupun siasatan menunjukkan tidak ada tindakan salah laku.



Ketahui Lebih Lanjut

[Fungsi Etika dan Pematuhan](#)

[Penyiasatan dan Pelaporan Etika dan Pematuhan](#)

[Dasar Pemberitahuan Maklumat](#)



Melakukan Perkara Yang Betul Untuk **SATU SAMA LAIN**

Kita sangat bersemangat dengan perkara yang kita lakukan dan identiti kita. Jadi kita melakukan peranan dengan penuh tanggungjawab untuk melindungi tempat kerja, aset dan satu sama lain.

Dalam Bahagian Ini:

Kita Satu Pasukan	12
Memupuk Kesamaan, Kepelbagaian, Penyertaan dan Kepunyaan	12
Hormati Orang Lain di Tempat Kerja	13
Jangan Sese kali Membalas Dendam	14
Mencegah Konflik Kepentingan Peribadi	15
Kita Lindungi Tempat Kerja Kita	16
Menyumbang kepada Persekitaran Kerja yang Selamat dan Sihat	16
Melindungi Aset Syarikat	17

Kita Satu Pasukan

Memupuk Kesamaan, Kepelbagaian, Penyertaan dan Kepunyaan

Kami melihat tenaga kerja kita yang pelbagai, berbeza budaya sebagai salah satu kelebihan Herbalife Nutrition. Latar belakang, bakat dan perspektif yang pelbagai menjadikan kita lebih kuat dan lebih inovatif. Bagi mempromosikan kesamaan, kepelbagaian, penyertaan dan kepunyaan, kita mematuhi dasar yang memastikan setiap pekerja dan calon memiliki peluang pekerjaan yang sama di Herbalife Nutrition dan rasa diterima dan dihargai.

Amalkan Prinsip Kita

Sokong peluang yang sama untuk semua. Herbalife Nutrition adalah majikan yang memberikan peluang setara, komited untuk memastikan keputusan pekerjaan diambil tanpa mengambil kira bangsa, warna kulit, agama, seks, orientasi seksual, jantina, identiti jantina, ekspresi jantina, status perkahwinan, asal negara, kewarganegaraan, keturunan, usia, status veteran, kecacatan atau asas lain yang dilindungi oleh undang-undang, ordinan atau peraturan. Ini dikenal sebagai “ciri dilindungi”. Pengurus warga kerja boleh membantu memastikan setiap pekerja mempunyai peluang yang sama di Herbalife Nutrition dengan mengetahui dan mematuhi semua dasar Syarikat yang sesuai dengan peranan mereka.

Bersuara. Bantu kami memastikan setiap pekerja mempunyai peluang untuk didengari. Sekiranya anda mengalami atau menyaksikan potensi diskriminasi atau perlakuan tidak adil di tempat kerja kita, [suarakan kebimbangan anda](#) dengan segera.

? Tahukah Anda

Keputusan pengambilan pekerja perlu berdasarkan perkara seperti:

- Kelayakan
- Prestasi
- Kemahiran
- Merit individu

Soalan dan Jawapan

Saya mempertimbangkan pemohon pekerjaan yang mempunyai kecacatan fizikal. Saya bimbang pekerjaan itu agak mencabar secara fizikal. Adakah ini, dengan sendirinya, alasan yang sah untuk tidak mengambilnya bekerja?

Tidak. Pastikan anda menghubungi Rakan Perniagaan Sumber Manusia anda. Sekiranya pemohon berkecayaan paling baik untuk pekerjaan itu, kami akan melakukan proses interaktif. Jika tidak ada sebarang kesulitan, seterusnya proses penyesuaian yang munasabah akan dilakukan bagi membolehkan pemohon melaksanakan fungsi penting pekerjaan itu. Menolak pemohon pekerjaan berdasarkan kecacatan semata-mata adalah bertentangan dengan undang-undang. Itu bukan amalan dan identiti kita.

Ketahui Lebih Lanjut

[Dasar Pencegahan Gangguan, Diskriminasi dan Tindakan Balas](#)

Kita Satu Pasukan

Hormati Orang Lain di Tempat Kerja

Rasa hormat dan kepercayaan mesti ada di semua tempat kerja yang berjaya. Gangguan dan diskriminasi akan mengikis rasa hormat dan kepercayaan dan boleh mengganggu produktiviti, semangat dan kebolehan kita untuk megekalkan orang yang baik. Herbalife Nutrition komited untuk memastikan tempat kerja kita menjadi tempat yang menyenangkan dan adil bagi semua orang untuk bekerja.

Amalkan Prinsip Kita

Belajar mengenali gangguan. Gangguan adalah bentuk diskriminasi dan boleh berlaku dengan cara yang berbeza sama ada secara fizikal, lisan atau visual.

Contoh gangguan boleh termasuk:

- Lawak jenaka yang menghina
- Ucapan atau komen yang merendah-rendahkan orang lain
- Gerak isyarat, kartun atau gambar yang menyinggung perasaan
- E-mel atau jemputan yang tidak senonoh atau lucah



Tahukah Anda

Gangguan tidak selalu disengajakan.

Tindakan ini mungkin boleh berlaku secara tidak sengaja. Jadi perlu berhati-hati dengan tingkah laku anda sendiri dan cara ia mempengaruhi orang lain. Amalkan rasa hormat dalam setiap interaksi.

Perhatikan tindakan gangguan seksual.

Jenis gangguan ini secara umumnya ditakrifkan sebagai gangguan seksual yang tidak disenangi, permintaan layanan seksual atau perlakuan, kata-kata atau sentuhan fizikal berunsur seksual. Gangguan seksual termasuk gangguan mengenai jantina orang lain atau gangguan mengenai kehamilan, kelahiran anak atau keadaan perubatan yang berkaitan. Ini juga merangkumi gangguan terhadap pekerja lain dengan jantina yang sama dengan pelaku gangguan. Gangguan seksual tidak semestinya didorong oleh keinginan seksual.

Menentang Tindakan Buli.

Buli sering melibatkan perlakuan jahat terhadap seseorang atau ancaman secara fizikal atau emosi. Buli mungkin merangkumi ancaman atau penghinaan secara lisan atau fizikal.

Maklumkan kepada kami.

Tidak kira bentuk gangguan atau buli, ia tidak akan ditoleransi di Herbalife Nutrition. Sekiranya anda menyedari kemungkinan ada gangguan atau kejadian buli (atau jika ia berlaku kepada anda), jangan abaikannya. [Suarakan kebimbangan anda.](#)



Ketahui Lebih Lanjut

[Dasar Pencegahan Gangguan, Diskriminasi dan Tindakan Balas](#)

Kita Satu Pasukan

Jangan Sese kali Membalas Dendam

Kami faham yang tindakan menyuarakan kebimbangan bukan perkara yang paling mudah dilakukan tetapi ia pastinya salah satu tindakan yang paling penting. Ingat, Herbalife Nutrition tidak bertolak ansur atau membenarkan tindakan balas dendam terhadap sesiapa kerana mengemukakan aduan dengan niat baik atau kerana mengambil bahagian dalam sebarang proses siasatan atau proses aduan di tempat kerja.

Amalkan Prinsip Kita

Lapor kebimbangan dengan ikhlas dan segera. Kemukakan kebimbangan dan/atau pertanyaan anda kepada penyelia anda, penyelia lain Syarikat, Ketua Pegawai Pematuhan atau Rakan Perniagaan Sumber Manusia secepat mungkin selepas kejadian berlaku. Anda juga boleh mengemukakan aduan dengan menghubungi talian hotline 24 jam bebas tol Herbalife Nutrition (nombor telefon untuk negara anda boleh didapati di laman intranet Herbalife Nutrition anda), dengan mengakses talian [IntegrityLine](#) atau dengan menghantar e-mel kepada [Pejabat Etika dan Pematuhan](#). Apabila kita berkongsi kebimbangan kita dengan niat baik, kita saling melindungi satu sama lain, Syarikat dan pelanggan kita.

Kenali tindakan membalas dendam. Ia berlaku dalam pelbagai cara, tetapi tindakan membalas dendam boleh berlaku dalam bentuk penurunan pangkat, penggantungan, kegagalan untuk mengupah atau mempertimbangkan untuk mengupah, kegagalan untuk memberikan pertimbangan yang sama dalam membuat keputusan pekerjaan, kegagalan untuk membuat cadangan pekerjaan yang tidak memihak atau mempengaruhi keadaan kerja secara buruk atau menolak sebarang faedah pekerjaan kepada seseorang individu.

? Tahukah Anda

Tidak mengapa jika anda tidak mempunyai semua fakta.

Tidak mengapa jika anda tidak pasti sama ada benar ada berlaku pelanggaran. Anda tidak perlu menjadi betul. Tetapi jika anda bimbang, kami ingin tahu mengenainya. Anda tidak akan menghadapi tindakan membalas dendam kerana berkongsi kebimbangan walaupun kemudian ia ternyata tidak benar, selagi makluman itu disampaikan dengan niat baik.

Soalan dan Jawapan

Saya mempunyai kebimbangan yang ingin saya kongsi, tetapi ia melibatkan seseorang berpangkat tinggi dalam Syarikat. Saya takut saya akan kehilangan pekerjaan sekiranya saya membuat laporan tentangnya. Apa yang perlu saya lakukan?

Perkara paling buruk adalah berdiam diri. Kami perlu mengetahui kebimbangan anda, tidak kira siapa yang terlibat atau kedudukan mereka dalam Syarikat. Kami tidak akan bertolak ansur dengan tindakan membalas dendam terhadap anda kerana berkongsi kebimbangan anda dengan niat baik.

Ketahui Lebih Lanjut

[Dasar Pencegahan Gangguan, Diskriminasi dan Tindakan Balas](#)

[Dasar Pemberitahuan Maklumat](#)

Kita Satu Pasukan

Mengelakkan Potensi Konflik Kepentingan

Sebagai pekerja Herbalife Nutrition, kita tidak pernah membiarkan kepentingan, hubungan atau kemungkinan keuntungan peribadi mempengaruhi keputusan atau cara kita menjalankan tugas. Kita semua perlu melindungi reputasi kita dengan menghindari sesuatu yang dianggap sebagai, atau memberikan gambaran berlakunya, konflik kepentingan peribadi.

Amalkan Prinsip Kita

Perhatikan kemungkinan konflik. Tidak semestinya mudah untuk mengenali konflik kepentingan, tetapi ia sering berlaku dalam situasi seperti:

- ✓ **Pekerjaan di luar** – Bekerja untuk pihak pesaing atau syarikat yang melakukan (atau berharap dapat melakukan) perniagaan dengan Herbalife Nutrition, atau mengerjakan pekerjaan kedua yang mengurangkan kemampuan anda untuk melakukan pekerjaan anda untuk Herbalife Nutrition
- ✓ **Kepentingan kewangan** – Anda atau ahli keluarga mempunyai kepentingan kewangan di mana-mana syarikat yang melakukan (atau berharap dapat melakukan) perniagaan dengan kita atau bersaing dengan kita – (Lihat [Elakkan Konflik Kepentingan Dengan Pendedar dan Pembekal](#) untuk maklumat lanjut.)
- ✓ **Hubungan peribadi** – Menyelia atau mempengaruhi keputusan pekerjaan untuk ahli keluarga atau seseorang yang anda mempunyai hubungan peribadi yang rapat

- ✓ **Peluang luar** – Mencari peluang perniagaan melalui kerja anda di Herbalife Nutrition dan mengambilnya untuk keuntungan peribadi anda sendiri
- ✓ **Sumber Herbalife Nutrition** – Menggunakan nama, harta benda atau maklumat Herbalife Nutrition tanpa persetujuan, untuk menyokong minat atau aktiviti peribadi anda

Mempunyai konflik yang berpotensi berlaku? Maklumkan kepada kami. Potensi konflik kepentingan mesti didedahkan dan persetujuan perlu diperoleh sebelum anda meneruskan sebarang tindakan. Sekiranya anda berada dalam situasi yang mungkin mempengaruhi kemampuan anda untuk membuat keputusan yang tidak berat sebelah atas nama Herbalife Nutrition, berhenti dan dapatkan panduan daripada Pejabat Etika dan Pematuhan.



Ketahui Lebih Lanjut

[Dasar Konflik Kepentingan](#)



Tahukah Anda

Anda mungkin dapat mengetahui jika situasi itu adalah konflik dengan bertanya beberapa soalan kepada diri sendiri. **Mungkinkah situasi ini:**

- Mempengaruhi pilihan yang saya buat untuk Herbalife Nutrition?
- Nampak seperti konflik dengan orang lain?
- Memberi manfaat kepada saya atau orang yang dekat dengan saya?

Sekiranya anda dapat menjawab “ya” untuk salah satu pertanyaan ini, itu mungkin konflik.

Kita Lindungi Tempat Kerja Kita

Menyumbang kepada Persekitaran Kerja yang Selamat dan Sihat

Mempromosikan kesejahteraan adalah perkara yang kita lakukan. Sama seperti Herbalife Nutrition menjaga pelanggan kita, kita juga menjaga agar pekerja kita mempunyai tempat kerja yang selamat. Atas sebab itu, kita mengharapkan setiap pekerja mengikuti prosedur kesihatan dan keselamatan kita untuk tenaga kerja yang lebih bahagia dan sihat.

Amalkan Prinsip Kita

Patuhi semua peraturan keselamatan. Peraturannya mungkin berbeza bergantung pada lokasi dan pekerjaan anda. Jadi anda perlu ketahui peraturan yang diguna pakai untuk anda dan patuhi peraturan itu tanpa sebarang pengecualian. Laporkan sebarang kemalangan dan kemungkinan hazard, lengkapkan semua latihan keselamatan yang diperlukan dan, jika perlu, pakai alat pelindung diri yang diperlukan.

Jadi diri anda yang paling baik. Apabila anda datang ke tempat kerja, kami mengharapkan anda bersedia untuk bekerja dan tidak berada di bawah pengaruh, atau terganggu oleh, alkohol atau bahan yang tidak sah atau terkawal. Sebarang perkara ini boleh merosakkan pertimbangan anda dan membahayakan diri anda dan orang lain. Jangan gunakan, miliki, beli atau jual atau berikannya kepada orang lain di tempat kerja. Merokok dan/atau penggunaan tembakau juga dilarang di semua kemudahan Herbalife Nutrition.

? Tahukah Anda

Anda menjadikan tempat kerja kita lebih selamat apabila anda melaporkan potensi hazard, seperti:

- Kelakuan tidak selamat
- Senjata di tempat kerja
- Pelanggaran keselamatan
- Ancaman keganasan
- Peralatan rosak
- Pelanggaran keselamatan
- Penyalahgunaan bahan

Bantu mencegah keganasan. Kami mahu tempat kerja menjadi tempat yang selamat untuk semua orang. Jadi kami sekeras-kerasnya melarang senjata di bangunan kita atau semasa bekerja untuk pihak kita. Sentiasa berjaga-jaga untuk senjata dan tanda amaran kemungkinan berlaku keganasan. Hubungi Keselamatan Global di SafetySecurity@Herbalife.com atau jika anda mengetahui wujudnya senjata di tempat kerja atau ancaman keganasan secara langsung ataupun tidak langsung, segera hubungi 1-844-435-7453 (1-844-HELPHLF) atau perkhidmatan kecemasan tempatan di kawasan anda (contohnya, 911 di A.S.). Jika tidak, laporkan tingkah laku yang merisaukan kepada pengurus anda, Keselamatan Global atau di IntegrityLine.Herbalife.com.



Ketahui Lebih Lanjut

[Dasar Pencegahan Keganasan di Tempat Kerja](#)

[Senjata dalam Dasar Tempat Kerja](#)

Kita Lindungi Tempat Kerja Kita

Melindungi Aset Syarikat

Ia memerlukan banyak usaha untuk membina syarikat seperti Herbalife Nutrition. Kerja keras dan pelaburan dalam sumber yang menjadikan kita terus berfungsi dan berkembang. Kami mempercayai para pekerja akan menjaga sumber Syarikat dan melindunginya daripada sebarang kerugian, kerosakan atau penyalahgunaan.

Amalkan Prinsip Kita

Gunakan aset kita dengan berhati-hati. Gunakan pertimbangan yang baik untuk melindungi aset Syarikat, termasuk:

- ✓ **Aset Fizikal** – perkara yang kita gunakan untuk melakukan kerja seharian, termasuk kemudahan, perabot, kelengkapan pejabat, komputer, peralatan, perkakasan, bahan, produk dan kenderaan
- ✓ **Aset Teknologi** – Aset IT, seperti peralatan, e-mel, dan sistem mel suara, pangkalan data, perisian dan akses internet – (Jaga aset ini dan minimumkan penggunaan peribadi.)
- ✓ **Aset kewangan** – aset yang membantu kita membayar bil, seperti wang tunai, akaun bank, stok dan kedudukan kredit kita
- ✓ **Aset Maklumat** – maklumat yang kita kumpulkan atau cipta sebagai syarikat, seperti maklumat sulit dan harta intelek kita (Lihat [Melindungi Maklumat Rahsia dan Harta Intelekt](#) dan [Lindungi Privasi](#) untuk mengetahui lebih lanjut.)



Kita Lindungi Tempat Kerja Kita

Fokus pada keselamatan siber. Lindungi sistem kita daripada perisian hasad dan ancaman siber lain dengan mengikuti dasar dan prosedur IT kita. Kemas kini dan lindungi kata laluan anda secara berkala, jangan sekali-kali membuka pautan yang mencurigakan, berjaga-jaga untuk usaha penipuan pancingan data dan jangan sekali-kali memasang perisian yang tidak dibenarkan atau menggunakan rangkaian yang tidak selamat. Jaga keselamatan peranti Syarikat dan hubungi [Keselamatan siber](#) mengenai aktiviti yang mencurigakan. Anda bertanggungjawab untuk mengetahui dasar keselamatan siber yang dinyatakan di bawah dan tanggungjawab anda di bawah dasar ini.



Soalan dan Jawapan

Saya menerima e-mel yang mencurigakan yang ditanda “penting”. Subjek e-mel nampaknya berkaitan dengan projek yang sedang saya jalankan, tetapi saya tidak mengenali pengirimnya. Adakah selamat untuk saya membukanya?

Tidak. Anda perlu mengesahkan e-mel itu terlebih dahulu sebelum membukanya atau mengaktifkan sebarang skrip. Ikuti prosedur kita untuk memastikan setiap insiden keselamatan siber yang sebenar atau disyaki ditangani dengan betul dan berkesan.



Tahukah Anda

Komunikasi anda adalah kepunyaan Herbalife Nutrition.

Apabila anda menghantar e-mel atau membuat panggilan menggunakan sistem Herbalife Nutrition, komunikasi anda adalah kepunyaan Herbalife Nutrition. Kami berhak untuk memantau komunikasi ini, seperti yang dibenarkan oleh undang-undang. Pekerja juga tidak dibenarkan mengakses komunikasi elektronik pekerja lain atau pihak ketiga melainkan diberi kebenaran oleh pihak pengurusan Herbalife Nutrition.



Ketahui Lebih Lanjut

[Dasar Keselamatan Korporat](#)

[Dasar Keselamatan Siber](#)

[Dasar Penggunaan yang Boleh Diterima](#)

[Keselamatan Fizikal untuk Dasar Keselamatan Siber](#)

[Dasar Aktiviti dan Sumbangan Politik](#)

[Dasar Pengurusan Inventori Acara dan Promosi Pengedar](#)



Lakukan Perkara Yang Betul untuk **SYARIKAT KITA**

Perniagaan kita dibina atas dasar integriti iaitu orang baik membuat pilihan yang baik pada setiap hari. Kita berjaya apabila pilihan kita menunjukkan yang paling baik dan komitmen kita untuk berniaga dengan cara yang betul.

Dalam Bahagian Ini:

Bertindak Dengan Penuh Integriti	20
Melibatkan Diri Hanya dalam Amalan Perniagaan yang Beretika dan Adil	20
Menggalakkan Aktiviti Penjualan dan Pemasaran yang Beretika	21
Jangan Beri atau Terima Pembayaran yang Tidak Betul	22
Patuhi Peraturan dalam Interaksi Dengan Pegawai Kerajaan	24
Jangan Menyalahgunakan Bahan Maklumat Bukan Umum	26
Kita Bertanggungjawab	28
Memastikan Kualiti dan Keselamatan Produk	28
Melindungi Maklumat Sulit dan Harta Intelek	29
Patuhi Peraturan untuk Pemberian/Penerimaan Hadiah dan Layanan Baik	31
Menyimpan Simpan Kira dan Rekod yang Tepat	33
Kita Boleh Dipercayai dan Telus	34
Melindungi Privasi	34
Elakkan Konflik Kepentingan Dengan Para Pengedar dan Pembekal	35
Bekerja dengan Bertanggungjawab Bersama Pihak Ketiga	36

Bertindak Dengan Penuh Integriti

Melibatkan Diri Hanya dalam Amalan Perniagaan yang Beretika dan Adil

Di Herbalife Nutrition, kita mengikuti peraturan dan mengetahui produk, bakat dan komitmen kita terhadap integriti akan bersuara dengan sendiri. Kita tidak takut dengan persaingan dan kita mengalu-alukan pasaran yang sihat yang membolehkan setiap orang mempunyai peluang yang sama untuk bersaing dan berjaya.

Amalkan Prinsip Kita

Patuhi undang-undang antiamanah dan persaingan. Undang-undang ini berbeza dari satu negara ke negara lain, tetapi semuanya menyokong persaingan bebas dan terbuka serta melarang amalan yang dapat menyekatnya. Pastikan anda memahami cara undang-undang ini diguna pakai kepada anda.

Berurusan secara beretika dalam setiap interaksi. Bersikap jujur dan adil dalam setiap interaksi dengan para pengedar, pesaing dan rakan niaga. Jangan sekali-kali berbincang atau bersetuju dengan pesaing untuk melakukan sesuatu yang boleh membahayakan kemampuan pesaing lain untuk bersaing.

Selidik pesaing dengan cara yang betul. Penting untuk mengetahui persaingan, tetapi kumpulkan kepintaran anda secara beretika dengan hanya menggunakan sumber awam. Jangan sekali-kali mencari atau menerima maklumat yang tidak boleh didapati secara umum, seperti maklumat sulit daripada pelanggan atau bekas pekerja pesaing tanpa membuat pemeriksaan dahulu dengan Jabatan Undang-Undang.

? Tahukah Anda

Bercakap dengan pesaing? Jangan sekali-kali membincangkan:

- Menetapkan harga atau syarat penjualan
- Tidak memasukkan pihak ketiga daripada menjalankan perniagaan
- Penipuan bidaan
- Membahagi atau berkongsi pasaran

Soalan dan Jawapan

Semasa acara makan tengah hari industri pemakanan, seorang wakil daripada syarikat lain mula mengadu margin penggantian makanan terlalu rendah dan mencadangkan agar kita bersetuju dengan harga jualan minimum untuk produk kita. Menaikkan harga akan meningkatkan margin keuntungan dan baik untuk Syarikat. Bolehkah saya melakukannya?

Tidak. Bersetuju dengan harga jualan minimum dengan pesaing adalah tidak sah dan mungkin juga perbuatan jenayah.

Ketahui Lebih Lanjut

[Dasar Antiamanah](#)

[Dasar Kecerdasan Kompetitif](#)

Bertindak Dengan Penuh Integriti

Menggalakkan Aktiviti Penjualan dan Pemasaran yang Beretika

Kita mempromosikan produk dan peluang perniagaan dengan cara yang sama dalam menjalankan perniagaan kita secara beretika dan jujur. Itu adalah cara kita memperoleh kepercayaan dan kesetiaan para pengedar dan pelanggan kita. Mereka bergantung pada kita untuk menyokong produk dan jenama kita. Jadi, semua yang kita katakan mengenainya mesti boleh dipercayai.

Amalkan Prinsip Kita

Utamakan kejujuran di atas segalanya. Kita sentiasa mahu Syarikat kita menjadi yang terbaik. Namun, amalan penjualan atau pemasaran yang tidak jujur atau mengelirukan boleh membahayakan pelanggan dan reputasi kita. Ia juga boleh melanggar undang-undang. Ketahui produk kita dengan baik dan sampaikan dengan jujur tanpa menokok tambah kemampuan produk, menyembunyikan batasan produk atau meremehkan produk pesaing.

Label dengan berhati-hati. Kita bangga dengan ramuan produk kita dan kita mempersembahkannya dengan tepat. Patuhi proses pelabelan kita dan dapatkan persetujuan yang tepat untuk setiap promosi atau tuntutan baru atau yang dikemas kini. Pastikan juga sebarang pernyataan mengenai produk kita dan penggunaannya adalah tepat.

Dapat menyokong pernyataan. Sekiranya kita membuat sebarang pernyataan, kita mesti bersedia untuk menyokongnya dengan fakta yang kukuh. Pastikan hanya menggunakan pernyataan disetujui yang dapat disahkan melalui bukti yang didokumentasikan dengan baik yang dikumpulkan secara adil dan beretika.

? Tahukah Anda

Ingat, dalam aktiviti penjualan dan pemasaran kita:
Kita bertanggungjawab terhadap perkara yang kita katakan.
Bukan hanya niat kita yang penting. Kita juga bertanggungjawab untuk tafsiran yang wajar terhadap pernyataan kita, walaupun tafsiran itu tidak dimaksudkan.



Ketahui Lebih Lanjut

[Dasar Semakan Jenama Korporat](#)

[Dasar Kelulusan Penyataan](#)

[Dasar Kelulusan Hak Jenama dan Imej](#)

[Dasar Media Sosial, Publisiti dan Siaran Awam](#)



Bertindak Dengan Penuh Integriti

Jangan Beri atau Terima Pembayaran yang Tidak Betul

Kita menolak untuk melakukan rasuah atau sogokan yang tidak setimpal dengan kerugian terhadap reputasi dan komuniti kita. Kita percaya satu-satunya kejayaan yang perlu dicapai adalah kejayaan yang dihasilkan melalui kerja yang dilakukan, produk yang disediakan dan perbezaan para pengedar kita.

Amalkan Prinsip Kita

Mencegah dan mengelakkan pembayaran yang tidak betul. Pembayaran yang tidak betul adalah “sebarang benda yang bernilai” yang ditawarkan oleh seseorang untuk mempengaruhi orang lain secara salah yang mungkin untuk memenangi perniagaan atau memperoleh kelebihan perniagaan. Tidak kira bentuk pembayaran yang tidak betul, ia tidak dibenarkan di Herbalife Nutrition dan boleh jadi salah di sisi undang-undang. “Sebarang benda yang bernilai” boleh merangkumi:

- Rasuah
- Sogokan
- Wang tunai atau bersamaan dengan wang tunai
- Hadiah, makanan atau layanan baik yang mewah
- Saham
- Pertolongan khas
- Pekerjaan
- Produk percuma
- Potongan harga tidak disediakan untuk orang ramai
- Sumbangan amal atau politik
- Pembayaran perbelanjaan perjalanan

? Tahukah Anda

Sekiranya pihak ketiga menawarkan rasuah, kita boleh dipertanggungjawabkan.

Memang benar. Kita boleh dipertanggungjawabkan sekiranya seseorang yang bekerja atas nama Herbalife Nutrition melanggar undang-undang semasa mewakili kita.



Bertindak Dengan Penuh Integriti

Patuhi undang-undang antirasuah dan sogokan. Undang-undang ini berbeza dari satu negara ke negara, jadi ketahui cara undang-undang itu diguna pakai untuk transaksi kita, termasuk Akta Amalan Rasuah Asing A.S. (Foreign Corrupt Practices Act, "FCPA"). Anda mesti mematuhi FCPA di dalam dan di luar Amerika Syarikat. Sekiranya kita melanggar undang-undang ini, anda dan Herbalife Nutrition boleh dikenakan hukuman berat, bahkan dipenjarakan.

Berhati-hati ketika berurusan dengan pegawai kerajaan. Peraturan yang melibatkan pegawai kerajaan adalah lebih ketat. Jadi, jangan sekali-kali menawarkan mereka sesuatu yang bernilai untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau mendapatkan keuntungan perniagaan. Lihat [Patuhi Peraturan dalam Interaksi Dengan Pegawai Kerajaan](#) untuk mengetahui dengan lebih lanjut.



Soalan dan Jawapan

Saya baru saja mendengar daripada sumber yang dipercayai tentang salah seorang penyedia perkhidmatan kita mungkin terlibat dalam insiden rasuah. Oleh kerana Herbalife Nutrition tidak terlibat dan pembekal perkhidmatan tidak didakwa secara rasmi, adakah saya perlu mengabaikan perkara ini?

Tidak, anda tidak sepatutnya mengabaikan perkara ini. Rasuah melanggar undang-undang serta Kod dan Prinsip kita. Walaupun Herbalife Nutrition tidak terlibat, kita perlu mengetahui keadaan ini supaya kita dapat mengambil tindakan yang sewajarnya.



Ketahui Lebih Lanjut

[Dasar Hadiah Dan Layanan Baik](#)

[Dasar Pembayaran dan Tindakan Berkaitan yang Tidak Betul](#)

[Dasar Penglibatan Pihak Ketiga](#)

Bertindak Dengan Penuh Integriti

Patuhi Peraturan dalam Interaksi Dengan Pegawai Kerajaan

Urusan perniagaan kita kadang kala boleh membuat kita berhubung dengan pegawai kerajaan. Setiap kali anda berinteraksi dengan mereka, anda mungkin terlibat dalam aktiviti yang berperaturan. Itu bermaksud peraturan yang sangat khusus akan diguna pakai. Berhati-hati untuk mengetahui dan patuhi peraturan itu untuk mengelakkan timbulnya bias yang tidak wajar atau melanggar undang-undang yang berkenaan. Sekiranya anda tidak pasti mengenai peraturan ini, tanya Pejabat Etika dan Pematuhan.

Amalkan Prinsip Kita

Bekerja secara beretika dengan pegawai kerajaan. Sekiranya anda berinteraksi dengan pegawai kerajaan, ketahui dan patuhi semua syarat dasar dan undang-undang dan pastikan untuk memeriksa dasar tempatan anda, yang mungkin lebih ketat. Perhatikan peraturan mengenai hadiah dan layanan baik dan jangan sekali-kali memberikan, menawarkan atau menjanjikan kepada pegawai kerajaan “pembayaran yang tidak wajar” (rasuah atau sebarang nilai yang ditawarkan untuk mempengaruhi tindakan seseorang secara salah bagi mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau mendapatkan kelebihan perniagaan yang tidak betul). Ingat yang kita juga tidak menawarkan atau membuat pembayaran kepada pegawai kerajaan untuk mendorong mereka melakukan tindakan pentadbiran yang sepatutnya mereka lakukan.

Urusan pertanyaan daripada pihak kerajaan. Sekiranya anda dihubungi oleh pegawai kerajaan untuk memberi maklum balas terhadap penyiasatan kerajaan atau masalah penguatkuasaan undang-undang, hubungi Jabatan Undang-undang dengan segera dan ikuti arahan mereka.

Fokus pada kejujuran dan ketelusan. Sekiranya tugas anda melibatkan berinteraksi dengan pegawai kerajaan untuk urusan permit kerajaan, lesen atau kebenaran kerajaan yang lain:

- Berlaku jujur dan telus.
- Sekiranya anda mengupah pihak ketiga untuk berinteraksi dengan kerajaan, ketahui dan patuhi semua syarat dalaman untuk usaha wajar dan prakelulusan. Ingat, kita tidak boleh menggunakan pihak ketiga untuk melakukan sesuatu yang tidak boleh kita lakukan. Lihat [Bekerja dengan Bertanggungjawab Bersama Pihak Ketiga](#).



Tahukah Anda

Pegawai kerajaan mempunyai peraturan mereka sendiri.

Tidak kira perkara yang dinyatakan oleh dasar kita, sebilangan pegawai kerajaan mungkin perlu mematuhi peraturan atau undang-undang etika jabatan yang lebih ketat. Sentiasa dapatkan nasihat sebelum berinteraksi dengan pegawai kerajaan.

Bertindak Dengan Penuh Integriti

Patuhi undang-undang melobi. Sekiranya anda bekerja dengan pegawai awam atas nama Herbalife Nutrition untuk membantu membentuk dasar awam, anda terlibat dalam proses “melobi”, yang sangat diatur. Pastikan anda mengetahui dan memahami undang-undang yang diguna pakai, termasuk undang-undang pemberian hadiah dan layanan baik dan syarat pematuhan.

Berhati-hati semasa mengambil pegawai kerajaan atau ahli keluarga mereka bekerja. Peraturan khas diguna pakai untuk pengambilan pekerja kerajaan sekarang atau bekas atau ahli keluarga mereka. Sebelum memulakan proses, hubungi Pejabat Etika dan Pematuhan untuk mendapatkan panduan.



Ketahui Lebih Lanjut

[Dasar Hadiah Dan Layanan Baik](#)

[Dasar Pembayaran dan Tindakan Berkaitan yang Tidak Betul](#)

[Dasar Penglibatan Pihak Ketiga](#)

[Pemberitahuan dan Peningkatan Dasar Kerajaan atau Penguatkuasaan Undang-Undang yang Dimulakan](#)



Bertindak Dengan Penuh Integriti

Jangan Menyalahgunakan Bahan Maklumat Bukan Awam

Melakukan pelaburan berdasarkan maklumat yang dianggap penting oleh pelabur yang wajar dan tidak diketahui umum adalah perdagangan orang dalam. Tindakan itu tidak sah. Itu sebabnya kita tidak pernah menggunakan atau berkongsi maklumat bukan awam yang diketahui melalui kerja kita untuk membeli atau menjual sekuriti dalam Herbalife Nutrition atau di syarikat lain.

Amalkan Prinsip Kita

Jangan dagangkan maklumat bahan bukan awam. Sekiranya anda mengetahui maklumat mengenai Herbalife Nutrition atau syarikat lain yang tidak diketahui oleh orang ramai, dan maklumat itu boleh mempengaruhi keputusan pelabur yang wajar untuk membeli atau menjual sekuriti, maka anda atau orang lain tidak boleh menggunakan maklumat ini untuk membeli, menjual atau sebaliknya memperdagangkan sekuriti. **Ringkasan yang disediakan di halaman ini, termasuk senarai contoh maklumat bukan umum dan senarai urus niaga yang dilarang di bawah Dasar Pemuatan Perdagangan Orang Dalam Syarikat, tidak lengkap dan anda perlu merujuk kepada [Dasar Pemuatan Perdagangan Orang Dalam](#).**

Maklumat penting bukan awam boleh merangkumi:

- Produk baharu atau sedang dibangunkan
- Strategi pemasaran
- Pendapatan atau kerugian kewangan
- Urus niaga berpotensi
- Maklumat mengenai pelanggan atau pihak ketiga
- Perubahan besar pengurusan
- Cadangan penggabungan atau pengambilalihan
- Potensi tindakan atau penyiasatan undang-undang

? Tahukah Anda

Maklumat dianggap umum hanya apabila:

Herbalife Nutrition menjadikannya umum sama ada melalui siaran akhbar, pemfailan kerajaan atau beberapa komunikasi rasmi lain, dan satu hari perdagangan penuh sudah berlalu selepas proses pendedahan awam itu.

Bertindak Dengan Penuh Integriti

Jangan “memberi tip” kepada orang lain. Tindakan berkongsi maklumat bahan bukan umum dengan orang lain, termasuk keluarga atau rakan anda adalah tidak sah kerana mereka mungkin berdagang berdasarkan “tip” itu. Memberi “tip” seperti ini walaupun anda tidak mendapat keuntungan daripadanya boleh mengakibatkan hukuman undang-undang yang teruk, bahkan dipenjarakan, jadi hindari sebarang bentuk tindakan yang kelihatan seperti memberi tip. Dasar dan undang-undang Herbalife Nutrition melarang anda berdagang sekiranya anda mempunyai maklumat bahan bukan awam yang penting.



Tetingkap perdagangan penghormatan. Syarikat mempunyai tingkap pemadaman setiap suku tahun untuk melarang pekerja yang mengetahui hasil kewangan dan maklumat yang berkaitan sebelum maklumat itu dikongsi dengan orang ramai untuk berdagang. Menjadi tanggungjawab anda untuk memastikan anda tidak memperdagangkan sekuriti Syarikat sekiranya anda mengetahui maklumat bahan bukan awam mengenai Syarikat.



Soalan dan Jawapan

Semasa dalam panggilan persidangan, saya secara tidak sengaja mengetahui tentang kemungkinan pemerolehan utama yang mungkin dibuat oleh Syarikat tidak lama lagi. Maklumat ini tidak umum dan penting. Adakah OK untuk membeli saham di Syarikat berdasarkan perkara sulit yang saya ketahui melalui panggilan persidangan yang mungkin berlaku ataupun mungkin tidak berlaku?

Tidak. Walaupun ia belum berlaku (dan masih belum berlaku), kemungkinan pemerolehan utama ini adalah maklumat bahan bukan awam, dan tidak sah untuk memperdagangkannya.



Ketahui Lebih Lanjut

[Dasar Pematuhan Perdagangan Orang Dalam](#)

[Soal Lazim Perdagangan Orang Dalam](#)

[Dasar Kerahsiaan Maklumat Syarikat](#)

Kita Bertanggungjawab

Memastikan Kualiti dan Keselamatan Produk

Kita berhubung dengan pelanggan melalui produk kita. Itu cara mereka mengenali dan mempercayai kita. Kita mempunyai komitmen untuk mengukuhkan hubungan itu dengan tidak sesekali berkompromi dalam hal kualiti dan keselamatan produk kita dengan mengharapkan dan menerima yang paling baik.

Amalkan Prinsip Kita

Pastikan standard kita tetap tinggi. Sekiranya anda mempunyai tanggungjawab untuk pembangunan, pembuatan atau pengedaran produk kita, anda akan mempengaruhi kualiti produk kita secara keseluruhan. Mematuhi standard keselamatan dan kualiti Herbalife Nutrition dan yang dikehendaki oleh undang-undang adalah asas kepada Prinsip dan Nilai teras kita. Pastikan pekerja dan pembekal kita juga memenuhi standard kualiti tinggi itu. Sekiranya anda menyedari sebarang yang membahayakan keselamatan atau kualiti produk kita, suarkan kebimbangan anda, sama ada ia berlaku di Herbalife Nutrition atau dengan salah satu pembekal kita.

Lindungi produk kita dalam rantai bekalan. Kualiti sangat penting daripada pengeluaran sehingga pengedaran produk Herbalife Nutrition. Sekiranya anda bekerja dalam rantai bekalan dan sistem pengedaran kita, patuhi prosedur dan berjaga-jaga untuk sebarang kejadian yang mempengaruhi kualiti, keselamatan atau perlindungan. Jejak punca kejadian itu dan segera menyuarakan kebimbangan anda mengenai masalah, kejadian atau pendedahan risiko.



Ketahui Lebih Lanjut

[Dasar Manual Kualiti](#)



Kita Bertanggungjawab

Melindungi Maklumat Sulit dan Harta Intelek

Membangunkan produk yang dapat menjadikan orang ramai lebih sihat adalah perniagaan yang serius, yang melibatkan penyelidikan, teknologi dan strategi yang serius. Maklumat di sebalik rangkaian produk dan pengedar kita menjadikan Herbalife Nutrition unik di pasaran. Jadi, kita perlu mengendalikan maklumat sulit dan harta intelek kita dengan berhati-hati dan melindunginya daripada sebarang tindakan penyalahgunaan atau pendedahan.

Amalkan Prinsip Kita

Kenali perkara yang perlu dilindungi. Melalui pekerjaan anda, anda mungkin mendapat akses ke semua jenis maklumat yang dikumpulkan atau dibuat oleh Herbalife Nutrition yang boleh memudaratkan jika didedahkan, termasuk:

Maklumat Sulit – maklumat sensitif mengenai Herbalife Nutrition, pekerja, pelanggan atau pihak ketiga kita yang umumnya tidak disediakan untuk orang ramai. Ini boleh merangkumi maklumat mengenai:

- Perolehan atau rancangan pelaburan yang berpotensi
- Rancangan pemasaran
- Unjuran jualan atau pendapatan
- Idea produk atau rumusan produk baharu
- Kaedah pembuatan
- Senarai pengedar atau pelanggan pilihan
- Senarai pekerja dan gaji

Harta Intelek – perkara yang kita buat yang menjadikan Herbalife Nutrition unik. Anda bertanggungjawab melindungi harta intelek Syarikat dan juga untuk menghormati hak pemilik lain.

Ini bermaksud anda mesti:

- Rujuk kepada Jabatan Undang-undang jika anda mempunyai penemuan atau inovasi untuk dikemukakan kepada Syarikat.
- Jenama, slogan, logo dan reka bentuk perlu diluluskan oleh Jabatan Undang-undang sebelum digunakan.
- Rujuk kepada Jabatan Undang-undang untuk melesenkan atau menjual hak cipta, hak paten, rahsia perdagangan atau tanda dagang.

Anda tidak boleh:

- Salin atau terbitkan semula cetakan atau aset internet, muzik, video, jenama, logo atau reka bentuk orang lain tanpa lesen.
- Menyokong atau menerbitkan semula karya pihak ketiga tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu melalui Jabatan Undang-Undang.
- Gunakan teknologi yang dipatenkan tanpa lesen.



Tahukah Anda

Pendedahan dapat dihentikan.

Sekiranya anda mengesyaki ada kejadian pendedahan maklumat sulit, jangan abaikannya. Beritahu kami supaya kami dapat mencegah kemudaratannya daripada berlaku.

Suarakan kebimbangan anda dengan segera.

Kita Bertanggungjawab



Kendali dengan cermat. Tidak kira jenis maklumat sulit yang dapat anda akses (atau kepada siapa pemiliknya), pastikan anda simpan dengan selamat. Hanya mengakses maklumat yang anda perlukan untuk menjalankan tugas anda. Jangan sekali-kali berkongsi dengan sesiapa sahaja yang tidak diberi kuasa atau tidak mempunyai keperluan perniagaan yang sah, sama ada mereka berada di dalam atau di luar Herbalife Nutrition.

Jangan dedahkannya walaupun secara tidak sengaja. Anda secara tidak sengaja mungkin berkongsi maklumat sulit atau bahan bukan awam jika anda membincangkannya di khalayak ramai atau di media sosial. Jangan sekali-kali menyimpannya atau menghantarnya pada peranti peribadi atau pada rangkaian yang tidak selamat. Patuhi dasar kita untuk melindungi maklumat peribadi. Lihat [Lindungi Privasi](#) untuk mengetahui lebih lanjut.



Soalan dan Jawapan

Pasukan saya hampir menyelesaikan rancangan untuk produk baharu. Saya sangat teruja dan ingin memberitahu rakan saya mengenainya. Adakah itu dibenarkan, selagi saya meminta mereka untuk tidak berkongsinya kepada sesiapa?

Tidak. Anda tidak boleh bergantung pada rakan anda untuk melindungi maklumat ini. Simpan maklumat itu sendiri dan bincangkannya hanya dengan mereka yang mempunyai perniagaan sah yang perlu diketahui. Tunggu sehingga disebarikan kepada umum sebelum berkongsi.



Ketahui Lebih Lanjut

[Dasar Kerahsiaan Maklumat Syarikat](#)

Kita Bertanggungjawab

Patuhi Peraturan untuk Pemberian/Penerimaan Hadiah dan Layanan Baik

Kita selalu bersikap sopan dalam urusan perniagaan kita, tetapi apabila kesopanan melibatkan tawaran hadiah atau layanan baik, kita tidak pernah membiarkannya mempengaruhi pertimbangan kita. Kita membuat keputusan yang adil dan tidak berat sebelah. Kita tidak menawarkan hadiah atau layanan baik untuk mendapatkan layanan istimewa untuk diri sendiri atau Herbalife Nutrition. Kita juga tidak menerima hadiah atau pertolongan yang tidak sesuai daripada syarikat yang melakukan (atau berusaha untuk melakukan) perniagaan dengan kita.

Amalkan Prinsip Kita

Patuhi dasar kita. Hadiah dan layanan baik mungkin menjadi kebiasaan dalam perniagaan, tetapi juga boleh menimbulkan konflik kepentingan. Bertindak secara beretika ketika bekerja atas nama Herbalife Nutrition. Ketahui dan patuhi dasar [Dasar Hadiah dan Layanan Baik](#) kita serta sebarang versi tempatan dasar ini yang diguna pakai untuk anda. Ingat, peraturan tempatan mungkin lebih ketat. Apabila menawarkan sebarang yang bernilai kepada orang lain di luar Herbalife Nutrition, bertanya dahulu jika mereka dibenarkan menerimanya mengikut dasar mereka. Jangan sekali-kali menerima hadiah atau pertolongan yang tidak sesuai daripada syarikat yang melakukan (atau berusaha untuk melakukan) perniagaan dengan kita. Sekiranya anda tidak pasti mengenai peraturan ini, tanya [Pejabat Etika dan Pematuhan](#).



Bilakah tawaran adalah OK untuk diberikan atau diterima?
Sebarang tawaran yang anda berikan atau terima ...



Sepatutnya:



Sepatutnya TIDAK:

Nilai berpatutan

Mahal

Diberi mengikut acara, budaya dan perwatakan penerima

Nilai terlampau tinggi atau dalam bentuk wang tunai atau setara wang tunai, seperti kad hadiah

Ditawarkan jarang-jarang

Ditawarkan dengan kerap

Ditawarkan untuk tujuan perniagaan yang sah atau majlis percutian tradisional

Ditawarkan untuk mempengaruhi keputusan perniagaan atau kerajaan atau memperoleh kelebihan

Sah di sisi undang-undang dan sesuai dengan keadaan

Menyalahi undang-undang atau bertentangan dengan dasar atau Prinsip kita

Kita Bertanggungjawab

Lebih berhati-hati ketika berurusan dengan pegawai kerajaan.

Sentiasa ingat peraturan adalah jauh lebih ketat apabila urusan melibatkan pegawai kerajaan. Kecuali dalam beberapa kes (seperti kopi atau makanan ringan), anda tidak boleh menawarkan sebarang yang bernilai, bahkan kesopanan biasa, tanpa mendapat persetujuan dahulu. Bagi maklumat lebih lanjut, lihat [Dasar Hadiah dan Layanan Baik](#) dan [Patuhi Peraturan dalam Interaksi Dengan Pegawai Kerajaan](#) dalam Kod ini untuk mendapatkan maklumat terperinci. Ingat, beberapa dasar tempatan mempunyai syarat tambahan. Sentiasa patuhi dasar tempatan yang diguna pakai untuk anda.



Soalan dan Jawapan

Salah seorang vendor baharu kita menawarkan tiket teater kepada saya. Bolehkah saya menerimanya?

Itu bergantung. Mungkin boleh diterima jika vendor hadir bersama anda, nilai tiket tidak berlebihan dan tidak akan kelihatan seolah-olah vendor cuba mempengaruhi anda dengan cara tertentu. Rujuk Pejabat Etika dan Pematuhan sebelum menerimanya.



Ketahui Lebih Lanjut

[Dasar Hadiah Dan Layanan Baik](#)

[Dasar Konflik Kepentingan](#)

[Dasar Penglibatan Pihak Ketiga](#)



Tahukah Anda

Tidak boleh menolaknya? Kami boleh bantu.

Kami tahu tidak mudah untuk menolak tawaran atau mengembalikan hadiah. Sekiranya anda menerima sesuatu yang tidak sesuai, segera berbincang dengan Etika dan Pematuhan. Dengan cara itu, Syarikat dapat menanganinya untuk anda sama ada mengembalikan hadiah atau mendermanya.



Kita Bertanggungjawab

Menyimpan Simpan Kira dan Rekod yang Tepat

Perniagaan yang sihat memerlukan penyimpanan rekod yang sihat. Buku dan rekod yang tepat bukan hanya sekadar menunjukkan prestasi perniagaan kita dijalankan. Ia membantu Herbalife Nutrition membuat keputusan penting serta strategik dan membawa perniagaan kita ke tahap seterusnya. Ia juga diperlukan oleh undang-undang. Setiap daripada kita mesti menyimpan rekod kita dengan berhati-hati, memastikan ketepatan dan ketelusannya.

Amalkan Prinsip Kita

Tepat dan teliti. Sama ada transaksi, perbelanjaan atau rekod pencatatan masa, dokumentasikan dengan tepat. Tidak kira sebarang maklumat yang anda berikan, catatnya dengan jelas dan teliti. Jangan sesekali memalsukan maklumat, salah mencirikannya atau menghilangkan perkara penting. Sediakan juga sebarang dokumentasi sokongan dan dapatkan kelulusan yang diperlukan bila diminta.

Rekod kita merangkumi perkara seperti:

- Invois
- Kontrak
- Pesanan belian
- Laporan perbelanjaan
- Laporan gaji
- Rekod masa
- Tuntutan faedah
- Laporan keselamatan dan kualiti

Kendalikan rekod dengan berhati-hati. Ketahui dan ikuti [Dasar Pengurusan Rekod](#), yang memberitahu anda cara menyimpan dan melupuskan rekod dengan betul. Periksa dasar dengan teliti sebelum memusnahkan atau membuang sebarang rekod (terutamanya rekod yang diperlukan untuk

audit atau penyiasatan). Sekiranya anda menerima notis “penangguhan undang-undang” pada sebarang rekod, ikuti arahan dan jangan buang rekod itu sehingga anda diberi kebenaran.

Mendokumentasikan hadiah dan layanan baik dengan betul. Semasa meminta penggantian hadiah atau layanan baik, sertakan nama, gelaran dan majikan penerima, termasuk sama ada majikan itu adalah pihak badan kerajaan. Jelaskan tujuan perniagaan dengan tepat, berikan fakta dan keadaan hadiah atau layanan baik yang relevan, dan sertakan dokumentasi sokongan.

? Tahukah Anda

Sentiasa dalam keadaan berjaga-jaga jika anda mengendalikan rekod kita.

Anda dapat melihat tanda amaran tentang kemungkinan berlakunya penipuan, rasuah atau pengubahan wang haram. Perhatikan:

- Penyertaan palsu
- Penyataan yang mengelirukan
- Pengabaian yang serius

Melihat sesuatu yang nampaknya tidak betul? [Suarakan kebimbangan anda](#) dengan segera.



Ketahui Lebih Lanjut

[Dasar Pengurusan Rekod](#)

[Dasar Tanggungjawab Kawalan Dalam](#)

[Dasar kemasukan Jurnal](#)

[Dasar Hadiah Dan Layanan Baik](#)

[Dasar Perjalanan dan Hiburan Korporat](#)

Kita Boleh Dipercayai dan Telus

Melindungi Privasi

Herbalife Nutrition berkerja dengan semua jenis data, termasuk maklumat peribadi pengedar, pelanggan, pembekal, pekerja dan pihak ketiga kita. Mereka memberikan maklumat itu kepada kita atas dasar kepercayaan, dan kita tidak akan memungkiri janji kita kepada mereka. Kita mematuhi undang-undang dan melindunginya daripada kemungkinan penyalahgunaan atau pendedahan.

Amalkan Prinsip Kita

Patuhi undang-undang privasi di semua tempat. Melindungi maklumat yang dikenal pasti peribadi (personally identifiable information, PII), yang kadang-kadang disebut sebagai maklumat peribadi atau data peribadi, lebih daripada sekadar keperluan perniagaan. Itu adalah keperluan undang-undang. Undang-undang privasi data berbeza dari satu negara ke negara, dan terserah kepada kita untuk mengetahui cara ia diguna pakai di lokasi kita bekerja dan berniaga. Sekiranya anda mengendalikan PII untuk

pekerjaan anda (sama ada milik pekerja, pengedar, pelanggan, pembekal atau pihak ketiga kita), patuhi undang-undang dan dasar kita untuk mengendalikan, menyimpan dan membuangnya dengan betul.

PII adalah maklumat yang dapat mengenal pasti seseorang secara langsung ataupun tidak langsung, seperti tetapi tidak terhad kepada:

- Nama, alamat, nombor telefon atau alamat e-mel
- Tarikh lahir
- Maklumat kad kredit atau perbankan
- Nombor keselamatan sosial atau nombor pengenalan kerajaan
- Rekod perubatan, maklumat dan sejarah
- Cap jari dan data biometrik lain
- Pengecam dalam talian
- Lokasi data

Rahsiakan maklumat peribadi. Sekiranya anda tidak memerlukan PII untuk pekerjaan anda, jangan mengaksesnya. Hanya akses perkara yang anda perlukan dan hanya gunakannya untuk tujuan perniagaan yang sah. Jangan kongsi PII dengan sesiapa yang tidak dibenarkan (di dalam atau di luar Herbalife Nutrition).



Ketahui Lebih Lanjut

[Dasar Maklumat Peribadi](#)

? Tahukah Anda

Perkara kecil yang anda lakukan yang dapat membantu melindungi privasi:

- Kumpulkan jumlah minimum PII yang diperlukan.
- Hormati permintaan yang sah untuk mengakses, membetulkan atau menghapus PII.
- Pastikan pihak ketiga melindungi PII seperti yang kita lakukan.
- Simpan PII pada peranti dan rangkaian Syarikat yang diluluskan.
- Patuhi dasar dan prosedur keselamatan siber kita.

Kita Boleh Dipercayai dan Telus

Elakkan Konflik Kepentingan Dengan Para Pendedar dan Pembekal

Cara kita bekerja dengan orang lain secara langsung mempengaruhi reputasi Herbalife Nutrition. Atas sebab itu, interaksi kita dengan pendedar dan pembekal mesti selalu menggambarkan Prinsip dan Nilai kita. Kita tidak pernah menggunakan hubungan perniagaan untuk keuntungan peribadi. Kami bergantung pada anda untuk mengelakkan perkara yang kelihatan seperti konflik kepentingan.

Amalkan Prinsip Kita

Bertindak demi kepentingan Herbalife Nutrition. Sekiranya anda kerap bekerja dengan pembekal, vendor atau perunding, ingat anda bekerja atas nama Herbalife Nutrition, bukan anda sendiri. Sekiranya anda atau ahli keluarga menerima sedikit keuntungan kewangan daripada pembekal, vendor atau penyedia perkhidmatan Herbalife Nutrition semasa atau berpotensi, ini mungkin menimbulkan konflik. Anda tidak boleh mempunyai kepentingan kewangan dengan sebarang entiti perniagaan yang melakukan atau berusaha untuk berniaga dengan Herbalife Nutrition, melainkan anda dahulu mendedahkannya dan memperoleh pengecualian seperti yang dikehendaki dalam Dasar Konflik Kepentingan kita.

Pertahankan pemisahan yang wajar dengan pendedar kita.

Mengasingkan operasi perniagaan kita daripada pendedar kita akan mengelakkan sebarang keputusan perniagaan yang kelihatan tidak adil. Atas sebab ini, para pekerja Herbalife Nutrition dan pasangannya dilarang menjadi pendedar, tinggal bersama atau menjalin hubungan romantis dengan pendedar kita. Kecuali dalam keadaan yang sangat terhad, Herbalife Nutrition melarang menjalankan perniagaan atau berhubung dengan pendedar (atau syarikat yang mempunyai hubungan kewangan dengan satu atau lebih pendedar) untuk barangan atau perkhidmatan Herbalife Nutrition.



Soalan dan Jawapan

Baru-baru ini, salah seorang pembekal kita meminta saya melakukan beberapa kerja perundingan untuk syarikatnya. Kerja ini tidak akan mengganggu kerja saya di Herbalife Nutrition, dan saya benar-benar memerlukan wang tambahan itu. Bolehkah saya menerima tawaran pekerjaan ini?

Kemungkinan besar tidak. Menerima kerja daripada pihak pembekal Herbalife Nutrition boleh menyukarkan anda untuk bersikap objektif dengan keputusan yang anda buat atas nama Syarikat kita dan menimbulkan konflik kepentingan. Segera berbincang dengan pengurus anda atau Pejabat Etika dan Pematuhan.



Ketahui Lebih Lanjut

[Dasar Konflik Kepentingan](#)

Kita Boleh Dipercayai dan Telus

Bekerja dengan Bertanggungjawab Bersama Pihak Ketiga

Kami memberikan perhatian yang tinggi dalam memilih rakan niaga pihak ketiga yang tepat yang dapat memberikan nilai paling baik kepada Syarikat. Apabila hubungan itu berdasarkan integriti dan komitmen bersama terhadap Kod, Nilai dan undang-undang kita, Syarikat kita dapat berkembang maju.

Amalkan Prinsip Kita

Pilih rakan kongsi yang beretika dan berkelayakan. Sekiranya anda terlibat dalam memilih atau melibatkan pihak ketiga Herbalife Nutrition, lakukan tugas anda untuk memastikan mereka boleh dipercayai dan bereputasi baik. Buat pilihan secara objektif, jangan biarkan bias peribadi atau kepentingan diri mempengaruhi pilihan anda. Sekiranya diperlukan, ikuti proses pemerolehan Herbalife Nutrition untuk memastikan kita mematuhi standard Herbalife Nutrition dan rujuk [Dasar Pemerolehan Global](#).

Pihak ketiga kita merangkumi:

- Vendor
- Ejen
- Pembekal
- Kontraktor
- Pembekal Perkhidmatan
- Konsultan

Penyedia Perkhidmatan Kerajaan. Herbalife Nutrition sudah menentukan vendor yang berinteraksi dengan pegawai kerajaan bagi pihak Herbalife Nutrition menimbulkan risiko yang lebih tinggi kepada Syarikat dan, oleh itu, memerlukan pemeriksaan yang lebih ketat. Langkah tambahan diperlukan untuk melibatkan penyedia perkhidmatan kerajaan seperti melakukan usaha wajar dan mendapatkan praelulusan. Sekiranya anda merancang untuk melibatkan penyedia perkhidmatan kerajaan, rujuk [Dasar Penglibatan Pihak Ketiga](#) dan hubungi Pejabat Etika dan Pematuhan.

Perhatikan hasil kerja mereka. Pantau pihak ketiga untuk memastikan hasil kerja mereka memberi kesan positif yang baik kepada perniagaan dan reputasi kita. Berhati-hati untuk kemungkinan melakukan kesalahan, termasuk pelanggaran undang-undang, alam sekitar, hak asasi manusia atau keselamatan. Bantu mereka memahami dan menegakkan Kod dan dasar kita dan [suarakan kebimbangan anda](#) jika anda melihat sebarang perkara yang nampak tidak betul.



Ketahui Lebih Lanjut

[Proses Penyedia Perkhidmatan Kerajaan](#)

[Dasar Konflik Kepentingan](#)

[Dasar Pembayaran dan Tindakan Berkaitan yang Tidak Betul](#)

[Dasar Penglibatan Pihak Ketiga](#)

[Dasar Pemerolehan Global](#)



Tahukah Anda

Kita memilih pihak ketiga berdasarkan:

- Keperluan Syarikat kita
- Perkhidmatan yang ditawarkan
- Harga
- Pengalaman dan kelayakan
- Kualiti
- Reputasi



Lakukan Perkara Yang Betul untuk **DUNIA KITA**

Kita lebih daripada sekadar perniagaan. Kita melakukan perkara yang baik di dunia ini, melakukan yang paling baik untuk persekitaran kita, komuniti kita dan kehidupan semua orang yang disentuh oleh perniagaan kita.

Dalam Bahagian Ini:

Kita Bekerja dengan Betul di Pasaran Global	38
Patuhi Undang-Undang di Seluruh Dunia	38
Hormati Hak Asasi Manusia	40
Membantu Melindungi Alam Sekitar	41
Terus menjadi Warga Korporat yang Baik	42
Patuhi Peraturan untuk Melibatkan diri dalam Aktiviti Amal	43
Kita Berkomunikasi Dengan Penuh Tanggungjawab	44
Jangan Promosikan Kepentingan Politik di Tempat Kerja	44
Berhati-hati Ketika Bercakap Bagi Pihak Herbalife Nutrition	46
Gunakan Media Sosial dengan Bertanggungjawab	48

Kita Bekerja dengan Betul di Pasaran Global

Patuhi Undang-Undang di Seluruh Dunia

Kita berusaha mematuhi undang-undang dan peraturan di semua lokasi kita menjalankan perniagaan. Dasar saringan sekatan kita memerlukan kita menyaring rakan perniagaan kita, sama ada pihak pengedar dan vendor, sebelum membuat pembayaran untuk mengelakkan pembayaran kepada pihak yang disekat. Dasar kita memastikan kita tidak menghormati boikot antarabangsa yang melanggar undang-undang cukai atau eksport. Kami memahami walaupun syarat dan kebiasaan adalah berbeza di seluruh dunia, kita komited untuk mematuhi undang-undang yang diguna pakai dan menghindari perjanjian yang tidak wajar.

Amalkan Prinsip Kita

Patuhi undang-undang perdagangan. Sekiranya kerja anda melibatkan proses import atau eksport, pelbagai undang-undang mungkin diguna pakai untuk anda. Undang-undang berbeza-beza bergantung pada negara, jadi kita perlu tahu dan patuhi peraturan itu, termasuk undang-undang A.S., yang selalu diguna pakai. Undang-undang ini melibatkan cara produk, perkhidmatan, teknologi, maklumat teknikal atau perisian bergerak antara negara. Lihat [Dasar Logistik Global](#).

Jangan berurusan dengan rakan kongsi yang dilarang. Pastikan syarikat sudah membuat penyelidikan mengenai vendor atau pengedar baru sebelum menjalankan perniagaan dengan mereka. Ini termasuk memastikan rakan niaga kita tidak muncul dalam senarai individu dan perniagaan yang dilarang (atau “disekat”) oleh kerajaan A.S. Lihat [Dasar Pematuhan Sekatan](#).



Kita Bekerja dengan Betul di Pasaran Global

Jangan melanggar undang-undang boikot A.S. Sentiasa ingat Herbalife Nutrition tidak mengambil bahagian dalam proses memboikot negara tertentu sekiranya melanggar undang-undang antiboikot A.S. Sekiranya anda diminta untuk mengambil bahagian dalam boikot, tolak untuk bekerjasama dan bersuara. Sekiranya anda mempunyai pertanyaan, rujuk [Dasar Boikot](#).

Tepat dan teliti. Kelaskan setiap transaksi antarabangsa dengan tepat. Pastikan untuk memasukkan pelabelan, dokumentasi, pelesenan dan kelulusan yang tepat. Berhati-hati dengan dokumen anda, termasuk butiran yang menunjukkan tujuan akhir dan penggunaan akhir.



? Tahukah Anda

Pelbagai undang-undang mungkin diguna pakai.

Mungkin ada kalanya undang-undang di beberapa negara diguna pakai, dan undang-undang itu mungkin saling bertentangan. Sekiranya itu berlaku, hubungi Jabatan Undang-undang untuk membantu anda mematuhi.

Soalan dan Jawapan

Semasa merancang untuk menghadiri persidangan industri pemakanan di negara lain, saya terlupa untuk menghantar beberapa sampel terlebih dahulu. Adakah OK jika saya memasukkannya ke dalam beg yang saya daftar masuk?

Tidak. Anda mesti pastikan dahulu jika sampel itu dikenakan sebarang sekatan kastam atau Kawalan Eksport. Hubungi Jabatan Undang-undang untuk membincangkan kemampuan anda untuk membawa produk kita merentasi sempadan antarabangsa.

📄 Ketahui Lebih Lanjut

[Dasar Pengangkutan Antarabangsa Import AS, Eksport AS dan Luar Negara ke Luar Negara](#)

[Dasar Pemuatan Sekatan](#)

[Dasar Boikot](#)

[Dasar Logistik Global](#)

Kita Bekerja dengan Betul di Pasaran Global

Hormati Hak Asasi Manusia

Kita percaya setiap orang, di seluruh dunia, mempunyai hak untuk hidup dan bekerja dengan kebebasan dan penuh bermaruah. Pekerjaan yang kita lakukan di Herbalife Nutrition sepatutnya memberi kesan positif kepada kehidupan mereka, menjaga hak asasi manusia dan mematuhi semua undang-undang yang berkaitan untuk mencegah sebarang tindakan penyalahgunaan.

Amalkan Prinsip Kita

Bertindak secara bertanggungjawab. Hak asasi manusia dapat dipengaruhi sepanjang operasi kita bermula daripada cara kita mendapatkan dan mengeluarkan produk sehingga proses penjualan dan pengedaran. Tidak kira pekerjaan anda, patuhi undang-undang dengan teliti yang diguna pakai untuk melindungi hak asasi manusia. Fokus untuk memastikan para pekerja mempunyai:

- Keadaan kerja yang selamat
- Gaji yang setimpal
- Waktu kerja yang sah dan wajar
- Pilihan untuk bekerja ataupun tidak
- Kebebasan berpersatuan atau perundingan bersama

Ingat, undang-undang pelbagai negara mungkin diguna pakai, bergantung pada tempat anda melakukan urusan. Ketahui undang-undang dan cara ia mempengaruhi pekerjaan anda. Sekiranya anda tidak pasti dengan undang-undang ini, tanya Jabatan Undang-Undang.

Memastikan pihak ketiga bertanggungjawab. Kita mengharapkan pihak ketiga kita melindungi hak asasi manusia seperti yang kita lakukan. Oleh itu, kita hanya bekerjasama dengan pembekal yang menyokong misi kita di seluruh rantai bekalan mereka, dengan memberikan fokus pada hak sosial dan hak asasi manusia, produk berkualiti tinggi, persekitaran dan pematuhan yang selamat, tadbir urus dan integriti.

? Tahukah Anda

Herbalife Nutrition melarang semua pelanggaran hak asasi manusia, seperti:

- Buruh Kanak-kanak
- Buruh paksa atau wajib
- Pemerdagangan manusia
- Hukuman fizikal

Kita Bekerja dengan Betul di Pasaran Global

Bantu untuk Lindungi Alam Sekitar

Kita hanya mempunyai satu dunia dan kita semua perlu melindunginya. Herbalife Nutrition komited untuk melindungi dunia ini dengan meminimumkan kesan dengan mematuhi undang-undang alam sekitar dan terus mencari cara untuk mengendalikan syarikat yang lebih bersih, lebih cekap dan penyayang.

Amalkan Prinsip Kita

Patuhi undang-undang alam sekitar. Sebagai syarikat global, Herbalife Nutrition mematuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar di pelbagai negara. Ketahui undang-undang dan peraturan itu, patuhinya dan bertindak dengan penuh tanggungjawab:

- Menghantar data pelaporan persekitaran yang tepat.
- Perhatikan cara pembuatan produk kita dengan mematuhi semua dasar dan peraturan.
- Perhatikan hazard dan pelanggaran dalam cara kita mendapatkan bahan, menguruskan pelepasan atau mengendalikan dan membuang bahan toksik.

Mainkan peranan anda. Bantu mengurangkan jumlah sisa yang dihasilkan oleh Herbalife Nutrition dengan mengambil setiap peluang untuk mengitar semula atau menggunakan semula sumber dan memulihara sumber seperti air, kertas dan elektrik.

Bersuara untuk alam sekitar. Jangan sekali-kali mengabaikan hazard alam sekitar di mana-mana bahagian perniagaan kita. Suarakan kebimbangan anda dengan segera mengenai pembuangan sampah, tumpahan atau pelepasan bahan pencemar yang tidak betul.



Soalan dan Jawapan

Saya seorang pekerja baru, jadi saya masih belajar mengenai proses pembuatan. Saya perhatikan beberapa rakan sekerja yang nampaknya membuang bahan kimia berhazard dengan cara yang tidak selamat. Saya tidak mahu menjadi pembuat masalah, tetapi perlukah saya menyatakan sesuatu?

Ya, anda perlu bersuara. Walaupun anda pekerja baharu, itu tidak bermaksud suara anda tidak boleh didengar. Suarakan kebimbangan anda dengan segera. Ingat, kita tidak bertolak ansur dengan tindakan balas dendam terhadap sesiapa yang melakukannya.



Tahukah Anda

Kerosakan persekitaran = kerosakan reputasi kita.

Sesiapa sahaja di Herbalife Nutrition yang membahayakan alam sekitar juga membahayakan komuniti yang kita berkhidmat dan nama baik kita. Kita dan mereka yang bekerja bagi pihak kita mesti bertanggungjawab dan mengambil tindakan untuk melindungi persekitaran kita.

Kita Bekerja dengan Betul di Pasaran Global

Terus menjadi Warga Korporat yang Baik

Kita membina kepercayaan apabila bertindak sebagai warga korporat yang baik, memastikan perniagaan dan tindakan kita membawa nilai positif kepada dunia dan komuniti kita. Setiap daripada kita memainkan peranan penting melalui komitmen kita sendiri terhadap kecemerlangan dan tanggungjawab sosial.

Amalkan Prinsip Kita

Berikan contoh paling baik. Anda boleh membantu menunjukkan nilai warga korporat yang baik dengan fokus harian anda terhadap kualiti dan keselamatan produk dan memastikan setiap keputusan anda memberi manfaat kepada orang ramai dan dunia kita. Kita juga menggalakkan anda untuk terlibat di peringkat komuniti, mengambil bahagian dalam kegiatan amal tempatan dan peluang sukarelawan yang ditaja oleh Herbalife Nutrition. Bagi mendapatkan maklumat lanjut, hubungi [Pasukan Tanggungjawab Sosial Korporat](#).

Menegakkan undang-undang. Pelbagai undang-undang diguna pakai untuk perniagaan kita di seluruh dunia. Kita bergantung kepada anda untuk mengetahui dan mematuhiinya, tidak kira lokasi anda bekerja atau negara tempat anda melakukan urusan perniagaan. Sekiranya undang-undang tempatan bertentangan dengan undang-undang A.S. atau Kod atau Nilai Herbalife Nutrition, patuhi keperluan yang lebih ketat.

Hormati komuniti dan budaya. Semakin luas jangkauan kita, semakin banyak komuniti yang kita temui. Apabila anda berinteraksi dengan komuniti baru, ingat anda membawa jenama Herbalife Nutrition. Wakil syarikat ini dengan baik. Hormati semua budaya dan adat tempatan, tetapi pastikan amalan perniagaan tempatan tidak bertentangan dengan Kod atau undang-undang kita.

? Tahukah Anda

Warga syarikat kita yang baik ditunjukkan dalam:

- Amalan buruh yang sihat
- Promosi kesihatan dan kesejahteraan
- Derma kebajikan
- Menjaga alam sekitar
- Sokongan dan pendidikan masyarakat
- Aktiviti sukarelawan

Kita Bekerja dengan Betul di Pasaran Global

Patuhi Peraturan untuk Melibatkan diri dalam Aktiviti Amal

Mengubah dunia kita menjadi lebih baik bukan sekadar aspirasi kita, tetapi sesuatu yang kita lakukan untuk menjadikan komuniti kita tempat yang lebih baik untuk hidup melalui kerja harian kita sendiri dan sokongan kita terhadap badan amal tempatan. Herbalife Nutrition menggalakkan kita untuk melibatkan diri dan membuat perubahan.

Amalkan Prinsip Kita

Ikut nyala rasa anda. Apakah perkara yang paling anda sayangi? Herbalife Nutrition mendorong anda untuk memberi sokongan, baik secara kewangan atau dengan melakukan aktiviti sukarela. Kecuali masa sukarelawan anda diluluskan sebagai sebahagian daripada program sukarelawan yang ditaja syarikat, anda tidak boleh menjadi sukarelawan pada waktu Syarikat. Sila semak dasar faedah tempatan anda, hubungi pengurus anda atau hubungi Sumber Manusia tempatan untuk maklumat lanjut. Jangan menyumbang atas nama Herbalife Nutrition atau menggunakan sumber Syarikat. Jangan minta sumbangan daripada sesiapa yang memberikan perkhidmatan kepada Herbalife Nutrition. Panduan mengenai sumbangan produk dan pemberian amal boleh didapati di [Dasar Sumbangan Amal](#).

Bantu Herbalife Nutrition menolong orang lain. Herbalife Nutrition menawarkan pelbagai peluang untuk anda terlibat dengan acara dan aktiviti kebajikan. Cari peluang ini dan sertai rakan sekerja anda untuk memberi impak kepada komuniti anda. Bagi mendapatkan maklumat lanjut, hubungi [Pasukan Tanggungjawab Sosial Korporat](#).

Awasi dan elakkan konflik. Pastikan aktiviti amal anda tidak pernah mengganggu kerja anda di Herbalife Nutrition atau keputusan yang anda buat bagi pihak kita.

Perhatikan kemungkinan berlakunya rasuah. Jangan buat sebarang sumbangan amal jika ada sebab untuk mempercayai sumbangan itu mungkin digunakan untuk membayar rasuah.



Ketahui Lebih Lanjut

[Dasar Sumbangan Amal](#)

[Dasar Konflik Kepentingan](#)

[Dasar Transaksi Pihak Berkaitan](#)



Tahukah Anda

Anda boleh melaksanakan tujuan kita.

Herbalife Nutrition Foundation (HNF) adalah sebuah syarikat bukan untung 501(c)(3). Hubungi [HNF](#) untuk mengetahui lebih lanjut mengenai misi mereka dan cara untuk menderma.

Kita Berkomunikasi Dengan Penuh Tanggungjawab

Jangan Promosikan Kepentingan Politik di Tempat Kerja

Politik adalah topik perbualan yang popular, tetapi di Herbalife Nutrition, kami percaya politik perlu tetap bersifat peribadi. Walaupun kami mendorong anda untuk menyokong calon atau sebab pilihan anda, kami mengharapkan anda untuk mengambil bahagian sebagai individu tanpa menggunakan masa atau sumber Syarikat.

Amalkan Prinsip Kita

Pastikan tempat kerja kita sentiasa berkecuali. Jangan sesekali menjadikan seseorang pekerja sebagai sasaran kerana pandangan politiknya. Jangan meminta atau menekan rakan sekerja, vendor, pelanggan atau rakan kongsi untuk menyumbang atau menyokong calon atau tujuan politik.

Mengambil bahagian atas tanggungan anda sendiri. Apabila anda menyokong calon tertentu, pastikan untuk menggunakan:

- ✓ **Masa anda sendiri** – Jangan sekali-kali bekerja secara sukarela untuk calon tertentu pada waktu Syarikat.
- ✓ **Dana anda sendiri** – Ingat, Jawatankuasa Tindakan Politik Herbalife (PAC) Nutrition memberi sumbangan kepada calon, tetapi kita tidak akan membayar anda atas sebarang sumbangan yang anda buat kepada PAC atau secara bebas kepada calon jawatan dipilih. Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai PAC Herbalife Nutrition, sila lihat halaman 45.
- ✓ **Sumber anda sendiri** – Jangan gunakan peralatan atau sistem Syarikat (seperti e-mel) untuk mempromosikan calon atau tujuan.

? Tahukah Anda

Anda bebas menyokong siapa sahaja yang anda suka dan memilih dengan sewajarnya. Ini tidak akan mempengaruhi pekerjaan anda di Herbalife Nutrition.



Kita Berkomunikasi Dengan Penuh Tanggungjawab

Jangan melobi bagi pihak Herbalife Nutrition. Kami komited untuk mematuhi undang-undang melobi, yang mengatur percubaan untuk mempengaruhi dasar awam. Sebelum anda berkomunikasi dengan pegawai kerajaan, ketahui cara undang-undang ini diguna pakai. Berhati-hati dalam perbualan anda, hindari sesuatu yang kelihatan seperti percubaan untuk mempengaruhi mereka bagi pihak Herbalife Nutrition.

Jawatankuasa Tindakan Politik (PAC) Herbalife Nutrition

Herbalife Nutrition mengekalkan Jawatankuasa Tindakan Politik (PAC) secara sukarela dan dwipartisan untuk mewakili Syarikat dengan pegawai dipilih. Tujuannya adalah untuk menyokong calon pejabat pilihan raya persekutuan dan lain-lain yang memahami keprihatinan Herbalife Nutrition mengenai isu politik dan dasar yang penting bagi industri kita.

[Jawatankuasa Tindakan Politik](#) mengalu-alukan cadangan pekerja. Hubungi kami untuk bertanya cara anda dapat membantu.



Soalan dan Jawapan

Saya seorang pengurus dan yakin yang semua orang dalam pasukan saya menyokong calon kegemaran saya. Adakah OK untuk mendorong mereka membeli tiket untuk pengumpulan dana yang akan datang?

Tidak. Tidak wajar untuk mendorong mereka dengan cara ini. Anda tidak boleh yakin yang anda tahu pandangan politik mereka. Memandangkan anda pengurus mereka, mereka mungkin merasa tekanan tambahan untuk membeli tiket.



Ketahui Lebih Lanjut

[Dasar Aktiviti dan Sumbangan Politik](#)

[Dasar Konflik Kepentingan](#)



Kita Berkomunikasi Dengan Penuh Tanggungjawab

Berhati-hati Ketika Bercakap Bagi Pihak Herbalife Nutrition

Kami memahami nilai nama Herbalife Nutrition dan reputasi yang sudah dibina di lebih dari 90 negara di seluruh dunia untuk membantu orang mencapai nutrisi yang baik dan kehidupan aktif yang sihat. Bagi mengekalkan reputasi itu, kita bergantung pada jurucakap yang dilantik untuk bercakap bagi pihak Syarikat.

Amalkan Prinsip Kita

Lindungi nama baik Syarikat. Melainkan anda dilantik untuk bercakap bagi pihak Herbalife Nutrition, selalu ajukan pertanyaan kepada sumber yang betul. Mungkin ada kalanya anda mahu membantu, berkongsi pandangan peribadi atau membetulkan rekod, tetapi selalunya lebih baik bergantung pada pakar yang akan memastikan kita berbicara dengan satu suara.

- Bagi pertanyaan daripada media atau jemputan untuk bercakap atau hadir bagi pihak Herbalife Nutrition, hubungi Jabatan Komunikasi Korporat kita.
- Bagi pertanyaan berkaitan penganalisis atau pelabur, hubungi [Hubungan Pelabur](#).
- Bagi urusan penajaan dan sokongan, hubungi Jabatan Undang-Undang.

? Tahukah Anda

Komunikasi yang buruk boleh menyebabkan kerosakan besar.

Pastikan perkara yang anda katakan TIDAK AKAN:

- Memberikan maklumat yang salah kepada sesiapa
- Buat janji yang tidak dapat kita tunaikan
- Tidak mendedahkan maklumat sulit
- Memudaratkan reputasi kita
- Melanggar Kod atau Nilai kita



Kita Berkomunikasi Dengan Penuh Tanggungjawab



Berfikir sebelum anda bercakap. Dalam setiap interaksi perniagaan, ingat anda mewakili Herbalife Nutrition, dan perkara yang anda katakan akan mencerminkan anda, Syarikat kita dan cara orang lain memandang kita. Dalam semua komunikasi perniagaan, sama ada dalam bentuk bertulis, elektronik atau lisan, sentiasa menghormati dan bersikap profesional. Sekiranya anda memilih untuk berkongsi maklumat Syarikat di saluran media sosial anda sendiri, penting untuk bersikap telus ketika membincangkan berita Syarikat, menyokong produk atau mempromosikan perkhidmatan untuk mengelakkan pembaca keliru atau berpotensi terpedaya mengenai sifat hubungan anda dengan Syarikat.



Soalan dan Jawapan

Salah seorang pembekal kita bertanya jika saya boleh memberikan sokongan bertulis untuk digunakan dalam bahan pemasaran mereka. Saya ingin melakukan perkara ini, berdasarkan hubungan kerja lama kami. Adakah itu OK?

Mungkin. Hubungi Jabatan Undang-undang dahulu untuk memberitahu mereka mengenai permintaan itu. Dapatkan persetujuan mereka sebelum bersetuju untuk memberikan sokongan. Kami ingin memastikan setiap maklumat yang diberikan adalah tepat dan tidak akan menjejaskan nama atau reputasi Herbalife Nutrition.



Ketahui Lebih Lanjut

[Dasar Perikatan Korporat](#)

[Dasar Komunikasi Hubungan Penganalisis dan Pelabur](#)

[Dasar Media Sosial, Publisiti dan Siaran Awam](#)

Kita Berkomunikasi Dengan Penuh Tanggungjawab

Gunakan Media Sosial dengan Bertanggungjawab

Herbalife Nutrition menyokong dan mendorong penggunaan media sosial sebagai cara untuk mengekspresikan diri, bertukar idea dan membina hubungan. Sebagai pekerja, kita mesti memahami tanggungjawab kita untuk menggunakan pertimbangan yang baik dalam aktiviti dalam talian kita dan mematuhi semua undang-undang dan dasar Syarikat yang berkenaan.

Amalkan Prinsip Kita

Ingat: Persepsi adalah penting. Ingat, semua yang anda siarkan adalah umum. Dalam komunikasi dalam talian anda, perhatikan maklumat yang anda kongsi dan persepsi yang anda buat terhadap Syarikat kita, jenama kita dan orang kita.

Jangan bercakap bagi pihak Herbalife Nutrition tanpa kebenaran.

Hanya pekerja yang diberi kuasa yang boleh menggunakan media sosial untuk bercakap secara rasmi bagi pihak Syarikat. Sekiranya anda memilih untuk menulis sebarang perkara yang berkaitan dengan Herbalife Nutrition, produk atau peluang perniagaannya, kenalkan diri anda sebagai pekerja dan jelaskan pandangan anda adalah pendapat anda sendiri dan tidak semestinya mewakili pandangan Syarikat. Anda hanya perlu memberikan testimoni yang benar dan jika anda membuat sebarang tuntutan, ia mesti disahkan oleh Syarikat.

NOTA: Kami menyokong hak anda untuk [Menyuarakan kebimbangan anda](#) mengenai perkara yang dilindungi oleh undang-undang yang berkenaan yang meliputi melibatkan diri dalam kegiatan tertentu yang berkaitan dengan terma dan syarat pekerjaan anda.



Kita Berkomunikasi Dengan Penuh Tanggungjawab

Lindungi orang dan maklumat. Anda perlu berhati-hati supaya:

- Tidak menyiarkan perkara yang mengganggu atau diskriminasi. Sila lihat [Dasar Pencegahan Gangguan, Diskriminasi, dan Tindakan Membalas Dendam](#) serta sebarang tambahan tempatan yang berkenaan.
- Jangan siarkan sebarang maklumat sulit atau hak milik terpelihara.
- Jangan siarkan gambar daripada acara atau aktiviti yang ditaja oleh Syarikat tanpa kebenaran daripada orang ramai dalam gambar sebelum disiarkan.



Soalan dan Jawapan

Saya baru sahaja membaca catatan blog kritikal mengenai Herbalife Nutrition. Ia penuh dengan maklumat yang salah dan ditulis oleh seseorang yang tidak memahami sepenuhnya perkara yang kita lakukan. Adakah saya boleh menghantar komen untuk mendidik penulis (dan semua orang yang membaca blog itu)?

Tidak. Walaupun tujuan anda adalah untuk membetulkan maklumat yang salah, anda perlu menghubungi pengurus anda atau Pasukan Media Sosial Global untuk mendapatkan panduan agar respons yang sesuai dapat disiarkan atas nama Syarikat.

Selepas mencuba produk baru, saya ingin memberitahu semua orang di media sosial betapa produk itu sangat mengagumkan. Adakah itu OK?

Tidak. Ini OK selagi maklumat yang anda kongsi adalah pendapat anda yang jujur, anda dengan jelas menyatakan anda bekerja untuk Herbalife Nutrition dan sebarang tuntutan yang anda buat mengenai produk itu selaras dengan tuntutan Syarikat yang diluluskan.



Ketahui Lebih Lanjut

[Dasar Media Sosial, Publisiti dan Siaran Awam](#)

[Dasar Pencegahan Gangguan, Diskriminasi dan Tindakan Membalas Dendam](#)

Sebelum Anda Pergi

Fikirkan perkara ini ...

Anda mungkin tidak menyedarinya, tetapi anda baru sahaja melakukan salah satu perkara paling baik yang boleh anda lakukan untuk Syarikat. Apabila anda membaca Kod, anda kini memahami tentang maksud *Melakukan Perkara Yang Betul* di Herbalife Nutrition dan peranan utama yang anda mainkan.

Kini tiba masanya untuk mengambil perkara yang sudah anda pelajari dan menerapkannya dalam tindakan harian anda. Rujuk kepada Kod pada bila-bila masa apabila anda memerlukan sedikit pertolongan dalam menentukan perkara yang betul untuk dilakukan. Lagipun, perkara kecil yang kita lakukan setiap hari menunjukkan kepada dunia *Itu Identiti Kita*.

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan atau pandangan tentang sebarang perkara yang kami kemukakan, atau jika anda mengesyaki berlakunya pelanggaran Kod, dasar kita atau undang-undang, bincang dengan pengurus anda atau salah satu sumber yang disediakan dalam dokumen ini. Terima kasih atas masa dan perhatian anda untuk menjadikan Syarikat kita yang paling baik.



Tempat untuk Dapatkan Bantuan

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan, Herbalife Nutrition menawarkan pelbagai sumber untuk dihubungi untuk mendapatkan bantuan:

Isu atau Kebimbangan	Maklumat hubungan
Bagi mengemukakan soalan, laporkan kemungkinan tindakan salah laku atau masalah etika yang lain	Pengurus anda Wakil Sumber Manusia tempatan anda Herbalife Nutrition IntegrityLine, boleh diakses sama ada: Dalam talian: Lawat IntegrityLine.Herbalife.com Melalui telefon: • Di dalam A.S., hubungi 1-800-461-9330 • Untuk lokasi di luar A.S., lawati IntegrityLine.Herbalife.com Hantar sms kepada: 1-213-335-2054 (A.S. sahaja) E-mel: EthicsandCompliance@Herbalife.com Mel: Chief Compliance Officer, Herbalife Nutrition, 800 West Olympic Blvd., Suite 406 Los Angeles, CA 90015 USA
Untuk sebarang soalan undang-undang	Jabatan Undang-undang
Bagi melihat dasar Syarikat	https://herbalife.policytech.com/
Untuk sebarang pertanyaan media	Jabatan Komunikasi Korporat
Untuk sebarang pertanyaan berkaitan penganalisis atau pelabur	Hubungan Pelabur
Untuk sebarang urusan penajaan dan sokongan	Jabatan Undang-undang

